

PENGLIBATAN KAKITANGAN AWAM MELAYU DALAM PENTADBIRAN KOLONIAL BRITISH DI JOHOR, 1914-1941

SITI NUR ATIKAH BINTI DAUD

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023

PENGLIBATAN KAKITANGAN AWAM MELAYU DALAM PENTADBIRAN
KOLONIAL BRITISH DI JOHOR, 1914-1941

SITI NUR ATIKAH BINTI DAUD

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SAINS DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023

UPSI/IPS-3/BO 32
Pind : 00 m/s: 1/1



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 10 (hari bulan) JAN (bulan) 2023

i. Perakuan pelajar :

Saya, SITI NUR ATIKAH BINTI DAUD (D2017100365) (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PENGLIBATAN KAKITANGAN AWAM MELAYU DALAM PENTADBIRAN KOLONIAL BRITISH DI JOHOR, 1914-1941

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penelia:

Saya, PROF MADYA DR. KHAIRI ARIFFIN (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENGLIBATAN KAKITANGAN AWAM MELAYU DALAM PENTADBIRAN KOLONIAL BRITISH DI JOHOR, 1914-1941

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA SASTRA (SEJARAH MALAYSIA) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

07/1/2023

Tarikh

Tandatangan Penelia

PROF MADYA DR KHAIRI BIN ARIFFIN
Pensyarah Kanan
Jabatan Sejarah
Fakulti Sains Kemasyarakatan
Universiti Pendidikan Sultan Idris



SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**
**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PENGLIBATAN KAKITANGAN AWAM MELAYU DALAM
PENTADBIRAN KOLONIAL BRITISH DI JOHOR, 1914-1941

No. Matrik / Matric's No.: D2017100365

Saya / I: SITI NUR ATIKAH BINTI DAUD

(Nama pelajar / Student's Name)

Mengaku membenarkan Tesis/Desertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan sanaan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissestation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /

Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☐ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar / Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh:

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

PROF Madya DR KHARI BIN ARIFFIN

Pensyarah Kanan
Jabatan Sejarah
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah tuhan sekalian alam kerana dengan rahmat, limpah kurnia dan izinnya, dapatlah penulis menyempurnakan tesis sarjana ini dengan jayanya. Penulis mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada Prof. Madya Dr. Khairi Ariffin, penyelia tesis sarjana ini yang banyak memberikan bimbingan kepada penulis. Segala keperihatinan dan budi Prof. Madya Dr. Khairi Ariffin amat penulis hargai dan hanya Allah S.W.T. sahaja yang dapat membalasnya. Jutaan terima kasih juga dilayangkan kepada suami tercinta Muhamad Haris bin Sawaluddin atas galakan supaya penulis menamatkan pengajian dengan jayanya. Terima kasih kerana sentiasa membantu dan memberi motivasi untuk menamatkan perjuangan ini hingga ke titik terakhir. Seterusnya, setinggi-tinggi penghargaan penulis hamparkan kepada para pensyarah Jabatan Sejarah yang pernah menjadi guru penulis. Kepada kakitangan Fakulti Sains Kemanusiaan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), terima kasih kerana sentiasa mempermudah urusan pengajian penulis. Seterusnya, penghargaan yang tidak terhingga penulis sampaikan kepada kakitangan Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur, Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor atas bantuan dan layanan baik yang diberikan. Ucapan terima kasih juga penulis tujukan kepada kakitangan Perpustakaan Universiti Malaya (UM), Perpustakaan Peringatan Za'ba (UM), Perpustakaan Tun Seri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Perpustakaan Jabatan Sejarah UKM, Perpustakaan Tuanku Bainun UPSI, dan Perpustakaan Negara Malaysia. Akhir sekali, penghargaan yang tidak terhingga penulis tujukan kepada bonda dan ayahanda tercinta serta keluarga tersayang atas sokongan dan dorongan kepada penulis sehingga kini. Begitu juga dengan sahabat seperjuangan bidang Sejarah yang menjadi tempat berkongsi pandangan dan kisah suka duka sepanjang meniti pengajian ini. Tidak dilupakan buat anakanda kesayangan Muhammad Hazim dan Muhammad Hakim yang sentiasa sabar menanti mama yang sibuk menyelesaikan tugas sebagai pelajar sarjana. Ucapan terima kasih ditujukan buat sahabat SMAAT yang sentiasa menyokong dan memudahkan urusan adinda dalam perjuangan menuntut ilmu. Tanpa kalian semua diri ini tidak mampu bertahan hingga ke garisan terakhir.





ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan kepada penglibatan kakitangan awam Melayu di Johor pada zaman kolonial British bermula dari tahun 1914 sehingga 1941. Perkembangan pentadbiran moden Johor telah mencetuskan pembentukan *Johor Civil Service (JCS)* dan orang Melayu dilihat berperanan sebagai penggerak kepada organisasi pentadbiran Johor. Peranan kakitangan awam Melayu ini kemudiannya terus berkhidmat selepas kemasukan kolonial British di Johor. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan membuat analisis terhadap dokumen-dokumen rasmi yang diperoleh daripada Arkib Negara Malaysia seperti fail *Annual Report of Johor*, *General Order*, *General Adviser Johor*, *Records of Service and Leave of Malays Officers*, fail Menteri Besar, fail-fail kerajaan negeri Johor berkaitan gaji dan undang-undang pencen. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penubuhan JCS dalam pentadbiran Johor membawa identiti mereka yang tersendiri. Hal ini dapat dilihat apabila JCS terikat dengan etika kerja dalam Perintah Am Kerajaan. Pemberian bayaran gaji dilaksanakan melalui Skim Gaji Kakitangan dan mereka turut berpeluang menikmati Skim Pencen yang disediakan oleh kerajaan. Pemberian Skim biasiswa pula dilaksanakan sebagai langkah meningkatkan lagi kualiti tenaga kerja kakitangan awam Melayu. Sultan Ibrahim sewaktu menandatangani Perjanjian 1914 bersama kolonial British turut meletakkan syarat supaya mengekalkan penglibatan orang Melayu dalam urusan pentadbiran negeri Johor. Hal ini membolehkan kakitangan awam Melayu terus berkhidmat sebagai kakitangan awam dalam sistem pentadbiran kolonial British di Johor. Walau bagaimanapun, pelaksanaan sistem berseiring membolehkan kakitangan Inggeris diserap masuk dan bekerjasama dengan kakitangan awam Melayu untuk mengurus pentadbiran negeri Johor. Hal ini secara tidak langsung telah menggugat skop dan peranan hakiki kakitangan awam Melayu dalam pentadbiran Johor. Kesimpulannya, JCS membuktikan kemampuan orang Melayu untuk bekerja dalam pengurusan pentadbiran. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa penglibatan kakitangan awam Melayu terus digunapakai dalam sistem pentadbiran kolonial British di Johor. Namun, peranan dan skop kerja mereka dalam pentadbiran mula mengalami perubahan dengan kehadiran kakitangan awam Inggeris sewaktu zaman kolonial British memerintah negeri Johor.



THE INVOLVEMENT OF MALAY CIVIL SERVICE IN THE BRITISH COLONIAL ADMINISTRATION IN JOHOR, 1914-1941

ABSTRACT

This study focuses on the involvement of Malay civil servants in Johor during the British colonial period starting from 1914 to 1941. The development of Johor's modern administration has triggered the formation of the Johor Civil Service (JCS) and Malays are seen as the driving force behind Johor's administrative organization. The role of Malay civil servants then continued to serve after the British colonial entry in Johor. This study uses a qualitative method which is by analyzing official documents obtained from the National Archives of Malaysia such as Annual Report of Johor, General Order, General Adviser Johor, Records of Service and Leave of Malays Officers, Menteri Besar files, files Johor state government related to salary and pension law. The findings of this study show that the establishment of JCS in Johor administration brings their own identity. This can be seen when JCS is bound by work ethics in the Government's General Order. Salary payments are made through the Staff Salary Scheme and they also have the opportunity to enjoy the Pension Scheme provided by the government. The grant of the scholarship scheme is implemented as a step to further improve the quality of Malay civil servants. Sultan Ibrahim when signing the 1914 Agreement with the British colonial also put conditions to maintain the involvement of the Malays in the administrative affairs of the state of Johor. This allows Malay civil servants to continue serving as civil servants in the British colonial administrative system in Johor. However, the implementation of the parallel system allows English staff to be absorbed and work with Malay civil servants to manage the Johor state administration. This has indirectly undermined the true scope and role of Malay civil servants in the administration of Johor. In conclusion, JCS proves the ability of Malays to work in administrative management. The implications of this study show that the involvement of Malay civil servants continues to be used in the British colonial administration system in Johor. However, the role and scope of their work in the administration began to change with the presence of British civil servants during the British colonial period ruling the state of Johor.

KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN ii

PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI iii

PENGHARGAAN iv

ABSTRAK v

ABSTRACT iv

KANDUNGAN vii

SENARAI JADUAL xii

SENARAI GAMBAR xiv

SENARAI CARTA xv

SENARAI SINGKATAN xvi

BAB 1 PENDAHULUAN **1**

1.1 Pendahuluan 1

1.2 Permasalahan masalah 9

1.3 Tinjauan Kajian Lepas 10

1.4 Objektif Kajian 39

1.5 Persoalan Kajian 40

1.6	Definisi Istilah	40
1.6.1	kakitangan awam	40
1.6.2	Perkhidmatan awam	42
1.6.3	Pentadbiran Kolonial British	44
1.7	Skop kajian	45
1.8	Kepentingan Kajian	47
1.9	Metodologi Kajian	48
1.10	Pembahagian Bab	50
1.11	Kesimpulan	52

BAB 2 LATAR BELAKANG PENTADBIRAN AWAM MELAYU DI JOHOR

53

2.1	Latar Belakang Negeri Johor	53
2.1.1	Populasi Penduduk	57
2.2	Pentadbiran Tradisional Negeri Johor	59
2.3	Kedudukan kakitangan Awam dalam Pentadbiran Johor 1895	63
2.4	Penglibatan Orang Melayu dalam Pentadbiran Johor	69
2.5	Penghargaan kakitangan awam Melayu	74
2.6	Pembentukan <i>Johor Civil Service</i> (JCS)	83

BAB 3 PERKEMBANGAN KAKITANGAN AWAM MELAYU DALAM PENTADBIRAN JOHOR

89

3.1	Etika kakitangan Awam Melayu	89
3.2	Syarat Perkhidmatan Awam	105



3.3	Sijil dan kelayakan kakitangan Awam	108
3.4	Bantuan Biasiswa Pendidikan Kakitangan Awam Melayu	115
3.5	Pelantikan dan kenaikan pangkat bagi Kakitangan Awam Melayu di bahagian Jabatan	119
3.5.1	Temuduga dan latihan	119
3.5.2	Pengalaman bekerja	123
3.6	Unjuran kakitangan awam Melayu	126

BAB 4

PERKEMBANGAN KAKITANGAN AWAM MELAYU DALAM PENTADBIRAN KOLONIAL BRITISH

4.1	Pindaan Semula Undang-undang 1895	132
4.2	Struktur Kakitangan Awam Melayu	136
4.3	Pejabat Menteri Besar	143
4.4	Kakitangan Melayu dalam Jabatan	146
4.5	Kakitangan Sokongan	153
4.5.1	Jawatan Pesuruhjaya Kerajaan	153
4.5.2	Kerani	160
4.5.3	Guru	164
4.5.4	Penghulu	169
4.5.5	Golongan Wanita Sebagai Kakitangan Awam Melayu	172

BAB 5

ISU DAN CABARAN KAKITANGAN AWAM MELAYU DALAM PENTADBIRAN KOLONIAL BRITISH

5.1	Campur tangan pentadbiran British dalam perkhidmatan awam Melayu	177
-----	--	-----



5.1.1	Penasihat Am	178
5.1.2	Penolong Penasihat	182
5.1.3	Pesaingan Ketua Jabatan	185
5.1.4	Masalah Pengangguran	188
5.2	Gaji Kakitangan Awam	190
5.2.1	Skim Gaji Kakitangan Awam Melayu	192
5.2.2	Skim Gaji kakitangan sokongan	206
5.2.2.1	Settlement Officer	206
5.2.2.2	Bomba	208
5.2.2.3	Penghulu	209
5.3	Pemberian Skim Pencen	211
5.3.1	Undang-undang Pencen 1911	212
5.3.1.1	Pembatalan Skim Pencen	217
5.3.1.2	Pindaan Skim Pencen 1911	218
5.3.2	Undang-undang Pencen 1929	225
5.3.2.1	Pencen bagi kakitangan awam wanita	227
5.3.2.2	“Pemberian Kesihan” bagi kakitangan yang telah meninggal dunia	229
5.3.2.3	Pembatalan Pemberian Pencen 1929	230
5.3.2.4	Pindaan Undang-undang Pencen 1929	231
5.4	Pinjaman Wang dari Kerajaan	233

5.5	Pemberian elaun dan kemudahan cuti	237
-----	------------------------------------	-----

5.6	Masalah Disiplin Kakitangan Melayu	242
-----	------------------------------------	-----

BAB 6	PENUTUP	243
--------------	----------------	------------

RUJUKAN		249
----------------	--	------------

LAMPIRAN		262
-----------------	--	------------

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Pendapatan daerah-daerah negeri Johor.	55
2.2	Polulasi Penduduk di antara Tahun 1911 dan 1931.	57
2.3	Senarai Nama Kakitangan Melayu yang Mempunyai Hubungan Dengan Kerabat Diraja Johor tahun 1893-1912.	71
3.1	Maklumat Kakitangan Awam Melayu Sepanjang Perkhidmatannya hingga tahun 1924.	123
3.2	Perbandingan Jumlah Kakitangan Melayu di Empat Buah Jabatan pada tahun 1916,1919,1925,1932,1938 dan 1941.	128
4.1	Jumlah Kakitangan Awam Mengikut Kaum Pada Tahun 1916,1919,1925,1932,1938 dan 1941.	148
4.2	Senarai nama Pesuruhjaya Kerajaan Batu Pahat 1895-1941.	156
4.3	Perbandingan gaji Kerani dalam Skim Perkhidmatan Kerani Am	161
4.4	Perbandingann Gaji Guru Lelaki di Sekolah Vendakular Melayu dan Guru Perempuan di Sekolah Perempuan Melayu	167
4.5	Jumlah kakitangan Awam Wanita dalam Pentadbiran Kolonial British di Johor Pada Tahun 1916,1919,1925,1932 dan 1941.	173
5.1	Perbandingan Jumlah Ketua Jabatan bagi Kaum Melayu dan Inggeris Pada Tahun 1916,1919,1925,1938 dan 1941.	186
5.2	Tangga Gaji Kakitangan Awam Melayu Kelas I Pada Tahun 1924.	195

5.3	Tangga Gaji Kelas I A dan Kelas I B Pada Tahun 1925	196
5.4	Tangga Gaji Kelas II Pada Tahun 1921.	199
5.5	Perbandingan kadar kenaikan gaji bagi Kelas III hingga Kelas V dari tahun 1921 hingga tahun 1941.	201
5.6	Kadar Gaji bagi Encik Esa bin Ahmad sepanjang perkhidmatannya dalam pentadbiran dari tahun 1922 hingga tahun 1941.	203
5.7	Skim Gaji bagi <i>Settlement Officer</i> bagi tahun 1938.	206
5.8	Tangga Gaji Penghulu Pada Tahun 1938.	210

SENARAI GAMBAR

No. Gambar		Muka Surat
3.1	Pegawai Daerah Kukub, Wan Hussein bin Endut memakai pakaian seragam bagi kakitangan awam Johor yang lengkap dengan pedang kerajaan dan pingat kebesaran kerajaan Johor yang dianugerahkan oleh sultan. Gambar tersebut dirakam semasa Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Sultan Ibrahim pada tahun 1920. Sumber: Arkib Negara Malaysia.	105

SENARAI CARTA

No. Carta

Muka Surat

- 4.1 Struktur Organisasi Kakitangan Awam Melayu dalam Majlis Dewan dan Pejabat Menteri Besar tahun 1916. Sumber: *Johore Establishments* 1916. hlm 1.

146



SENARAI SINGKATAN

D.K	Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati
D.P.M.J	Dato' Paduka Mahkota Johor
EIC	<i>East India Company</i>
JCS	<i>Johor Civil Service</i>
JMF	<i>Johor Military Forces</i>
MMN	Majlis Mesyuarat Negeri
MPJB	Majlis Perbandaran Johor Bahru
MCS	<i>Malayan Civil Service</i>
MAS	<i>Malay Administrative Service</i>
MCKK	<i>Malay Collage Kuala Kangsar</i>
NNMB	Negeri-negeri Melayu Bersekutu
NNMB	Negeri-negeri Melayu Bersekutu
TSN	Timbalan Setia Negeri
S.P.M.J	Dato' Seri Paduka Mahkota Johor
SBUB	Syarikat Borneo Utara British
S.M.J	Setia Mahkota Johor
\$	<i>Dollar</i>



UPSI Universiti Pendidikan Sultan Idris

UM Universiti Malaya

UKM Univerisiti Kebangsaan Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

- A Surat sumpah kakitangan awam Melayu yang dilantik menjadi Ahli Mesyuarat Kerajaan
- B Surat sumpah Pegawai Inggeris yang dilantik menjadi Ahli Mesyuarat Kerajaan pada tahun 1940
- C Pingat Lama dan Baik dalam perkhidmatan (P.L.P) dikurniakan kepada kakitangan awam Johor yang tela berkhidmat dengan cemerlang melebihi 25 tahun dengan kerajaan Johor, berkelakuan baik serta berjasa.
- D Pingat Ibrahim Sultan (P.IS II) Pangkat Kedua (Perak) dikurniakan kepada kakitangan awam yang berkhidmat dengan cemerlang dan berintegriti lebih 20 tahun dengan negeri Johor.
- E Pingat Ibrahim Sultan (P.IS III) Pangkat Ketiga (Gangsa) dikurniakan kepada kakitangan awam sokongan yang berkhidmat kurang 17 tahun dengan baik dan jujur.
- F Kakitangan awam Johor dalam Jabatan Kastam bergambar bersama di hadapan bangunan Pejabat Kastam yang lama (berhampiran dengan Causeway) pada tahun 1938

BAB 1

PENDAHALUAN

1.1 Pendahuluan

Dalam urusan pentadbiran¹ di Johor, kakitangan awam Melayu memainkan peranan penting dalam menggerakkan sesebuah organisasi yang disusun dalam pentadbiran. Kakitangan awam Melayu ini terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan yang berkhidmat dalam jabatan kerajaan yang diwujudkan untuk melicinkan pentadbiran

¹"Pentadbiran dapat didefinisikan sebagai keseluruhan proses pelaksanaan daripada keputusan-keputusan yang telah diambil sam ada pelaksanaan pada umumnya dilakukan oleh dua orang manusia atau lebih untuk mencapai tujuan yang telah ditentukan sebelumnya iaitu merangkumi proses dalam perancangan, penyusunan, pengetahuan dan pengawalan". Lihat K. Ramanathan. (2002). *Konsep Asas Pentadbiran Awam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 123.

Johor. Sejak tahun 1900, kakitangan awam Melayu ini juga dikenali sebagai “Jawatan Tadbir Johor” atau “*Sultan’s Civil Service*”.²

Menurut Fawzi Basri dan Hasrom Haron “...keadaan pemerintahan Daing Ibrahim dalam tahun 1856 sedikit sebanyak telah pun ada dijalankan beberapa ciri birokrasi moden. Di Telok Belanga iaitu pusat pentadbiran Johor sebelum Johor Bahru, terdapat pejabat Temenggung Ibrahim, pejabat Encik Wan Abu Bakar, pejabat Encik Long Menteri. Di pejabat Menteri terdapat pula jawatan Kerani Besar dan kerani biasa. Semua surat menyurat dibuat dalam tulisan jawi dan salinan tiap-tiap surat yang keluar dari pejabat-pejabat itu. Kesemua pegawai Johor dibayar gaji bulanan, iaitu hasil dari cukai-cukai candu, arak dan pengeluaran hutan dan kebun gambir dan lada hitam di Johor”.³ Hal ini menjelaskan telah ada usaha ke arah pemodenan Johor yang digerakkan oleh Temenggung Ibrahim semasa pemerintahannya.

Perkara ini turut disokong oleh Rahimah Abdul Aziz yang menyatakan bahawa “...proses pembaratan yang telah diasaskan pada zaman pemerintahan Temenggung Daing Ibrahim telah diperhebatkan lagi semasa zaman pemerintahan Temenggung Abu Bakar”.⁴ Perkara ini bukan sesuatu yang mengejutkan kerana Temenggung Ibrahim telah terdedah dengan birokrasi Barat yang dijalankan British terutamanya di Singapura. Hal ini kerana, Temenggung bermastautin di Teluk Belanga pada masa tersebut sebelum memindahkan pentadbiran Johor ke Iskandar

²Rahimah Abdul Aziz. (2000). *Pembaratan Pemerintahan Johor (1800-1945): Suatu Analisis Sosiologi Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 72.

³Fawzi Basri & Hasrom Haron. (1978). *Sejarah Johor Moden 1855-1940: Satu Perbincangan Dari Pelbagai Aspek*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Negara. hlm. 97.

⁴Rahimah Abdul Aziz. (2000). *Pembaratan Pemerintahan Johor (1800-1945): Suatu Analisis Sosiologi Sejarah*. hlm. 55.

Puteri. Kemudiannya, usaha pemodenan pentadbiran Johor tersebut dirancarkan lagi oleh penggantinya iaitu Sultan Abu Bakar.

Keadaan ini membuktikan kepentingan nilai kebijaksanaan seseorang pemerintah dalam merencana hala tuju organisasi dan dalam konteks negeri Johor, Temenggung Ibrahim dan Sultan Abu Bakar adalah pemimpin yang berjaya membawa pemodenan pentadbiran negeri Johor. Seorang pemimpin yang berpotensi dan berkebolehan tinggi memainkan peranan yang penting dalam memastikan kecekapan dalam pentadbiran itu tercapai. Kecekapan dalam pentadbiran merupakan satu proses pelaksanaan keputusan-keputusan yang telah diambil itu dijalankan dengan teratur dan berkesan bertujuan untuk mencapai objektif seperti yang telah ditetapkan dalam masa tertentu dengan memanfaatkan segala sumber yang ada secara optimum.⁵

Menjelang tahun 1909, Johor telah mempunyai asas jentera perkhidmatan awam yang kukuh berserta ciri-ciri birokrasi.⁶ Dalam sistem birokrasi ini, Menteri Besar merupakan jawatan tertinggi, diikuti Timbalan Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan (jurucakap kerajaan) dan Ketua-ketua Jabatan. Dalam pentadbiran jajahan pula, Pesuruhjaya Tinggi Kerajaan Muar merupakan pegawai paling kanan dalam susunan Pegawai Perkhidmatan Awam Johor.⁷

⁵ K.Ramanathan. (2002). *Konsep Asas Pentadbiran Awam*. hlm. 123.

⁶ Birokrasi ialah organisasi terbaik yang mempunyai aktiviti dan pembahagian pekerja yang jelas, yang memiliki aturan formal dan peraturan yang tidak berat sebelah dan pekerjaanya dinaikkan pangkat mengikut merit tertentu. Lihat Ali Ashraf & L.N. Sharman. (2004). *Political Sociology: a New Grammar of Politics*. Hyderabad: Universites Press (India) Private Limited. hlm. 108.

⁷ Rahimah Abdul Aziz. (2000). *Pembaratan Pemerintahan Johor (1800-1945): Suatu Analisis Sosiologi Sejarah*. hlm. 72-73.

Oleh sebab itu, kakitangan awam Melayu telah memainkan peranan penting terutamanya semasa pemerintahan Sultan Abu Bakar yang melaksanakan pentadbiran moden berasaskan Barat. Legasi kakitangan awam Melayu ini kemudiannya terus wujud sehingga penjajahan kolonial British ke atas Johor sewaktu pemerintahan Sultan Ibrahim. Peranan mereka dalam pentadbiran Johor terus diguna pakai oleh pihak kolonial British kerana kakitangan awam Melayu ini telah mendapat bimbingan awal daripada bangsa Eropah atas arahan Sultan Abu Bakar.

Zaman kolonial⁸ di Johor memperlihatkan sistem pentadbiran dikuasai oleh pihak penjajah British. Zaman kolonial di Johor bermula secara rasminya pada tahun 1914 semasa pemerintahan Sultan Ibrahim.⁹ Dalam lipatan sejarahnya, Johor memperlihatkan kekuatan politik, pemerintahan, budaya, intelek dan persuratan yang dapat dibanggakan bawah pimpinan¹⁰ Sultan Abu Bakar. Pemerintahan Sultan Abu Bakar¹¹ bermula pada tahun 1862 hingga 1895 dan bermula dari situ kerajaan Johor

⁸"Bersifat jajahan (penjajah, penjajahan)". Dewan Bahasa dan Pustaka. 2013. *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 806; Kolonialisme membawa maksud "...proses sesuatu kuasa mendapatkan kawasan petempatan baharu melalui kaedah penaklukan dan penghijrahan". Lihat Wan Abdul Rahman Latif et al. (2001). *Sejarah Perkembangan Tamadun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka. hlm. 289 & 290; "Menurut Burhanuddin, kolonialisme di Tanah Melayu bermula sejak abad ke-16 semasa kejatuhan Melaka ke atas Portugis pada tahun 1511 dan berterusan hingga pertengahan abad ke-20. Konsep kolonialisme atau 'teori penjajahan' dalam erti kata yang luas sebagai merujuk kepada satu set andaian yang saling berkaitan, kenyataan, penjelasan dan konsep yang membentangkan asal usul pandangan yang logik dan menyebabkan penjajahan serta dasar, strategi dan ideologi yang bekerja dengan kuasa yang diberikan dan kedudukan rakan usaha sama untuk mengeksploitasi, mengawal dan menguasai bangsa-bangsa dan negeri-negeri yang mereka anggap sebagai asing atau lebih rendah kepada diri mereka sendiri". Lihat Syed Muhd Khairudin Aljunied. (2011). *A Theory of Colonialism in the Malay World. Postcolonial Studies*. Vol. 14. No. 1. hlm. 9.

⁹Buyong Adil. (1979). *Sejarah Johor*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 334; Mohd Samsudin. (2013) *Tawarikh Yang Maha Mulia Ibrahim Sultan Johor: Sebuah Karya Sejarah Negeri Johor dalam Zaman Pentadbiran British. Jebat*. Bil. 40(2). hlm 3.

¹⁰"Pemimpin ialah seseorang yang mempengaruhi orang lain untuk mencapai matlamat dan menentukan arah tujuan organisasi dan menggerakkan organisasi ke arah masa depan yang cerah. Pemimpin juga merupakan individu yang boleh memberi pengaruh kepada individu yang lain di dalam suatu pertubuhan". Khalid Jusoh, Teo Keok Seong & Mohd Samsudin. (2016). *Perubahan Kepimpinan Penghulu di Daerah Muar Tahun 1862-1940. International Journal of The Malay World and Civilisation (Iman)*. Vol 4(3). hlm. 103.

¹¹Sultan Abu Bakar adalah pemerintah Johor pada tahun 1862 hingga 1895. Baginda merupakan anak sulung kepada Temenggong Ibrahim (1810-1862) yang mewarisi tampuk pemerintahan ayahandanya. Baginda membesar di Singapura dan mendapat pendidikan di Sekolah Benjamin Keasberry. Pada tahun

memantapkan sistem birokrasi moden secara teratur selain sudah mempunyai undang-undang bertulis sejak tahun 1895. Ekonomi negeri Johor juga diuruskan dengan baik. Dalam bidang pendidikan, Johor turut berusaha membina satu sistem pendidikan yang tersendiri untuk kepentingan rakyatnya.¹²

Permulaan pentadbiran kerajaan Johor Moden bermula pada tahun 1855 melalui perjanjian antara Temenggong Daeng Ibrahim dengan Sultan Ali.¹³ Bermula dari sinilah kuasa pentadbiran Johor dipindahkan sepenuhnya kepada keturunan keluarga Temenggong Daeng Ibrahim.¹⁴ Walau bagaimanapun, pentadbiran Johor pada tahun 1855 masih berpusat di Teluk Belanga, Singapura. Kerajaan baharu ini menggalakkan pelaburan modal asing berikutan pada masa ini Johor mengalami kemajuan ekonomi yang memberangsangkan.

Perjanjian Johor-Inggeris pada tahun 1855 mengiktiraf Temenggong Daeng Ibrahim sebagai pemerintah *de facto* bagi Johor. Temenggong Daeng Ibrahim juga

1885, Sultan Abu Bakar diiktiraf sebagai sultan dan mendapat gelaran “Maharaja” pada tahun 1868 selepas melakukan kunjungan hormat ke atas Permaisuri Victoria. Lihat Justin Corfield. (2011). *Historical Dictionary of Singapore*. Amerika: Scarecrow. Press. hlm. 16.

¹²Zaharah Haji Ahmad. (1994). Perkembangan Sekolah Vernakular Melayu Johor, 1900-1940. Dalam Abdullah Zakaria Ghazali & Zainal Abidin Borhan. *Johor Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia. hlm. 180-181; Kasim Thukiman et. al. (ed.). (2001). *Menelusuri Sejarah Tempatan Johor*. Johor: Yayasan Warisan Johor. hlm. ix-x.

¹³ Pada 1855, sebuah perjanjian antara Sultan Johor, Sultan Ali Iskandar Shah (1835-1855) dan pembesarnya iaitu Temenggong Daeng Ibrahim telah dimaterai. Perjanjian tersebut melibatkan penyerahan kedaulatan negeri Johor kepada Temenggong Daeng Ibrahim, manakala Sultan Ali hanya berkuasa di Muar. Setelah Temenggong Daeng Ibrahim mangkat pada 1862, kedudukan sebagai pemerintah Johor digantikan oleh anak beliau yang menggunakan gelaran Maharaja Abu Bakar Tindakan Maharaja Abu Bakar untuk mengukuhkan kedudukannya di Johor, turut melibatkan pengambilan semula Muar sebagai wilayah jajahannya setelah Sultan Ali mangkat pada tahun 1877. Oleh kerana Muar diletakkan dalam pentadbirannya, Maharaja Abu Bakar membatalkan semua perjanjian yang dibuat oleh Sultan Ali, terutamanya yang melibatkan hal ehwal ekonomi dengan warga asing. Lihat Muhammad Naim Fakhir. et. al. Reaksi British Terhadap Pertikaian Konsul Amerika Syarikat dan Johor, 1870-1905. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 47 (3) (December 2020): 87-114 @ Center for Research in History, Politics and International Affairs, UKM; ISSN 2180-0251.

¹⁴Fawzi Basri & Hasrom Haron. (1978). *Sejarah Johor Moden 1855-1940: Satu Perbincangan Dari Pelbagai Aspek*. hlm. 6 & 7; Buyong Adil. (1979). *Sejarah Johor*. hlm. 230-231; Abd Jalil Borham. (2002). *Majalah Ahkam Johor: Latar Belakang, Pelaksanaan & Komentari*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia. hlm. 155-156.



berusaha mendapatkan pengiktirafan daripada kerajaan Melayu lain sebagai usaha mengukuhkan lagi kedaulatan dan kedudukan baginda. Pada tahun 1861, Temenggung Daeng Ibrahim dan Bendahara Tun Tahir Seri Maharaja Pahang menandatangani perjanjian persahabatan dan kerjasama pertahanan. Dalam perjanjian ini juga ditetapkan bahawa kedua-dua pihak akan saling mengukuhkan kerjasama politik dan mengiktiraf kuasa masing-masing.¹⁵

Temenggung Daeng Ibrahim mangkat pada tahun 1862 dan digantikan dengan anakanda baginda Ungku Abu Bakar yang memakai gelaran Datuk Temenggung Abu Bakar Seri Maharaja Johor. Sultan Abu Bakar¹⁶ kemudiannya meneruskan usaha dan cita-cita ayahanda baginda untuk mengukuhkan kerajaan Johor di bawah dinasti Temenggung. Sultan Abu Bakar semasa pemerintahannya meneruskan usaha menyusun atur pentadbiran Johor menjadi satu pentadbiran yang tersusun dan cekap yang mana telah dimulakan oleh ayahanda baginda. Usaha ini dilakukan bagi memastikan Johor terlepas daripada ancaman campur tangan kolonial British. Sebagai langkah awal, sebuah Majlis Mesyuarat dibentuk dengan mempunyai peraturan-peraturan kerja mirip sistem pentadbiran Barat. Undang-undang Johor yang sebelum

¹⁵Ahmad Fawzi Basri. (1988). *Johor 1855-1917: Pentadbiran dan Perkembangannya*. Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd. hlm. 33-34.

¹⁶ Maharaja Abu Bakar ialah putera Temenggung Seri Maharaja Johor Daeng Ibrahim. Baginda diputerakan pada 3 Februari 1833. Selepas kemangkatan Temenggung Daeng Ibrahim pada 1 Februari 1862, jawatan Temenggung digantikan oleh anaknya Abu Bakar. Pada mulanya, baginda memakai gelaran Temenggung Abu Bakar Seri Maharaja Johor pada tahun 1868. Pada tahun 1885, DYMM Maharaja Abu Bakar telah ditabal dan dimasyurkan sebagai Sultan Johor dan boleh diwariskan menurut perlembagaan. Kuasa Maharaja Abu Bakar turut dimaktubkan sebagai pemerintah Muar di Kuala Kesang. Bagi mengukuhkan kuasanya, Sultan Abu Bakar telah membuat perjanjian persahabatan dengan kerajaan Pahang. Maharaja Abu Bakar sangat dikenali kerana mempunyai hubungan rapat dan istimewa dengan Barat, khususnya pihak kolonial British. Baginda menjalinkan kerjasama rapat dengan pegawai-pegawai dan saudagar-saudagar kolonial British di Negeri-Negeri Selat. Rujuk Kassim Thukiman. (2011). *Sejarah Johor dalam pelbagai Perspektif*. Johor Bharu: Universiti Teknologi Malaysia. hlm 7-9.



ini berasaskan undang-undang Islam turut disesuaikan dengan undang-undang Barat bertujuan untuk mengawal dan mengatur pentadbiran negeri.¹⁷

Sultan Abu Bakar juga menyusun semula organisasi kerajaan dengan menggantikan jabatan bersifat tradisional kepada jabatan bersifat Barat. Selain itu, Sultan Abu Bakar juga turut melantik pegawai Barat di bawah bidang kuasa kakitangan awam Melayu¹⁸ bagi melatih mereka menjalankan tugas pentadbiran berasaskan Barat.¹⁹ Penyusunan organisasi yang dilakukan oleh Sultan Abu Bakar ini menjadi salah satu faktor pengekalan kakitangan awam dalam pentadbiran Johor walaupun Johor kemudiannya telah dikuasai oleh pihak kolonial British mulai tahun 1914. Hal ini bukan sahaja memudahkan lagi urusan pentadbiran kolonial British malah pada masa yang sama mampu mengekalkan kesinambungan peranan kakitangan awam Melayu dalam pentadbiran Johor sewaktu zaman penjajahan kolonial British.

Walaupun bagaimanapun, Perjanjian Setia 1885 telah membuka peluang kepada perluasan kuasa kolonial British terhadap Johor. Melalui perjanjian ini juga pihak kolonial British berjaya melantik seorang pegawai mereka yang peranan dan tanggungjawabnya menyamai seorang Pegawai Konsul. Walaupun Johor masih lagi tidak mampu ditakluki secara rasmi, namun pengaruh kolonial British semakin jelas.²⁰

¹⁷Rahimah Abdul Aziz. (2000). *Pembaratan Pemerintahan Johor (1800-1945): Suatu Analisis Sosiologi Sejarah*. hlm. 57-62.

¹⁸Sebelum kemasukan kolonial British di Johor, pegawai perkhidmatan awam Melayu di Johor dikenali sebagai "Jawatan Tadbir". Mereka ini terdiri daripada kakitangan awam kerajaan seperti pegawai polis, Pesuruhjaya Tinggi Kerajaan, Residen dan sebagainya yang berperanan dalam menjalankan pentadbiran negeri di bawah kawalan sultan Abu Bakar. Selepas kemasukan kolonial British ke Johor mereka ini kemudiannya dikenali sebagai "*Johor Civil Service (JCS)*". Tugas mereka masih sama iaitu berperanan membantu kelancaran dalam pentadbiran negeri Johor.

¹⁹Rahimah Abdul Aziz. (2000). *Pembaratan Pemerintahan Johor (1800-1945): Suatu Analisis Sosiologi Sejarah*. hlm. 57-62.

²⁰Rahimah Abdul Aziz. (2000). *Pembaratan Pemerintahan Johor (1800-1945): Suatu Analisis Sosiologi Sejarah*. hlm. 51-52.



British hanya mampu meletakkan seorang Penasihat Am (*General Advicer*) di Johor selepas 40 tahun kemudian, iaitu pada tahun 1914. Perkara ini disebabkan ketegasan Sultan Johor yang tidak mahu British mencampuri urusan hal ehwal negeri Johor.²¹

Kemangkatan Sultan Abu Bakar pada 4 Jun 1895 merupakan peluang yang terbuka luas bagi British untuk melebarkan penguasaannya terhadap Johor.²² Situasi ini kerana Sultan Ibrahim yang menaiki takhta pemerintahan dilihat lebih mudah untuk dibawa berunding kerana sifat baginda yang lebih terbuka. Pada 11 Mei 1914, Perjanjian Setia 1885 telah dipinda semula. Antara syarat yang dipersetujui ialah Penasihat Am tidak lagi dianggap sebagai pegawai Inggeris yang dipinjam sebaliknya mereka ini menjadi wakil kerajaan British. Selain itu, pegawai Melayu dan Inggeris juga hendaklah dipandang setaraf. Manakala bahasa Melayu dan bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa rasmi dalam urusan pentadbiran.²³ Peristiwa ini menjadi titik tolak penguasaan kolonial British sepenuhnya ke atas Johor.

Bagi melaksana dan menyusun satu corak pentadbiran yang kemas dan cekap, khidmat kakitangan awam Melayu diperlukan bagi menggerakkan strategi yang telah diatur oleh sultan sebelumnya. Pada awalnya, kakitangan awam Melayu ini terdiri daripada kaum kerabat diraja dan rakan terdekat sultan yang menjadi orang kepercayaan Sultan Abu Bakar sendiri.²⁴ Keanggotaan kakitangan awam Melayu kemudiannya berkembang selaras dengan perkembangan dan pemodenan yang dilaksanakan oleh baginda. Sebelum kemangkatan Sultan Abu Bakar, baginda

²¹Abd Jalil Borham. (2002). *Majalah Ahkam Johor: Latar Belakang, Pelaksanaan & Komentari*. hlm. 156.

²²Ahmad Fawzi Basri. (1988). *Johor 1855-1917: Pentadbiran dan Perkembangannya*. hlm. 155-156.

²³Shaharom Husain, (1995). *Sejarah Johor: Kaitannya dengan Negeri Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.. hlm. 125.

²⁴Mohd Sarim Haji Mustajab. (1993). Malay Elite Partition in The Johor Civil Service: Its Origins and Developement until The 1930's. *Jebat*. Bil. 21. hlm. 67.



memasyhurkan Undang-undang Tubuh Negeri Johor pada tahun 1895 bagi memastikan Johor kekal berdaulat di samping mengekalkan peranan yang dimainkan kakitangan awam Melayu dalam pentadbiran Johor.²⁵

Sehubungan dengan itu, kajian ini ditulis adalah untuk melihat latar belakang sejarah pentadbiran kakitangan awam Melayu di Johor semasa berada dibawah pentadbiran kolonial British. Selain itu, kajian ini dilaksanakan untuk menganalisis penglibatan kakitangan awam Melayu dalam sistem pentadbiran kolonial British di Johor. Usaha Sultan Abu Bakar dalam mewujudkan pentadbiran yang cekap dan kemas dengan memantapkan kakitangan awam Melayu ini berjaya mengekalkan kelangsungan kewujudan mereka dalam pentadbiran walaupun Johor berjaya dikuasai oleh kolonial British. Selain itu, turut dilihat ialah isu-isu yang dihadapi oleh kakitangan awam Melayu dalam pentadbiran kolonial British di Johor selain kepentingan kakitangan awam Melayu dalam pentadbiran kolonial British di Johor.

1.2 Permasalahan masalah

Kakitangan awam Melayu di Johor merupakan jentera pentadbiran yang amat penting dalam organisasi pentadbiran negeri Johor pada zaman kolonial British. Pihak kolonial British telah mengekalkan kakitangan awam Melayu yang pernah berkhidmat di bawah pentadbiran Sultan Abu Bakar untuk terus berkhidmat dalam pentadbiran kolonial British Johor kerana telah mempunyai pengetahuan asas dalam pentadbiran kolonial British. Sebelum kolonial British berkuasa di Johor, kakitangan awam

²⁵Annual Report on the Social & Economic Progress of the People Johore for 1935. hlm 3-4.

Melayu telah dilatih oleh pegawai Eropah yang diletakkan di bawah setiap bahagian kakitangan awam Melayu untuk diberi bimbingan tentang corak pentadbiran Barat sewaktu pentadbiran Sultan Abu Bakar.²⁶ Oleh itu, khidmat kakitangan awam Melayu diteruskan dan diperkukuhkan dari semasa ke semasa.

Di bawah pentadbiran kolonial British, kakitangan awam Melayu menerima perubahan dari segi skop kerja dan pemahaman yang lebih mendalam tentang tanggungjawab mereka di bawah pentadbiran pihak kolonial British. Selain itu, pengekalan kakitangan awam Melayu dalam jentera pentadbiran kolonial British ini memudahkan lagi urusan pentadbiran negeri Johor kerana kakitangan awam Melayu sudah menerima latihan bersama pihak kolonial British sejak zaman pemerintahan Sultan Abu Bakar lagi.

1.3 Tinjauan Kajian Lepas

Perkembangan sistem pentadbiran Tanah Melayu memperlihatkan usaha campur tangan kolonial British dalam pentadbiran tempatan. Usaha campur tangan ini berlaku merupakan langkah memastikan kepentingan mereka di Tanah Melayu terpelihara. Kajian berkaitan sistem pentadbiran dan pegawai-pegawai tempatan Tanah Melayu telah banyak dilaksanakan oleh ramai penyelidik. Oleh itu, bagi melaksanakan kajian ini, pengkaji melakukan beberapa rujukan kajian lepas yang berhubung kait dengan skop kajian pengkaji.

²⁶Rahimah Abdul Aziz. (2000). *Pembaratan Pemerintahan Johor (1800-1945): Suatu Analisis Sosiologi Sejarah*. hlm. 71-71.

Hasil awal tinjauan terhadap kajian lepas yang telah dilakukan, kebanyakan kajian lebih menjurus kepada kajian terhadap perkembangan sistem pentadbiran khususnya di negeri Johor. Namun begitu, tidak begitu banyak maklumat atau kajian yang diperoleh yang lebih membincangkan penglibatan kakitangan awam Melayu dalam pentadbiran kolonial British di Johor secara mendalam. Jika ada, kajian tersebut hanya menyentuhnya secara ringkas sahaja.

Antara kajian yang mempunyai hubungkait dengan penyelidikan ini ialah hasil kajian tesis Doktor Falsafah yang dihasilkan oleh A. Rahman Tang Abdullah²⁷ membincangkan tentang pemerintahan tradisional Johor di bawah kepimpinan Sultan Abu Bakar. Beliau turut menyentuh penglibatan Sultan Abu Bakar terhadap negeri-negeri lain dalam usaha baginda mengukuhkan kedudukan baginda sebagai pemerintah Johor. Skop kajian terarah bagi melihat kredibiliti Sultan Abu Bakar dalam kepimpinan pentadbiran negeri Johor. Selain itu, rujukan ini dibuat adalah untuk melihat penyusunan kuasa dan pentadbiran Sultan Abu Bakar sewaktu pemerintahannya di Johor yang membawa kepada pengekalan kakitangan awam Melayu dalam pentadbiran Johor sewaktu zaman jajahan kolonial British.

Selain itu, tesis Doktor Falsafah yang dihasilkan oleh Chistopher Stephen Gray²⁸ dalam penulisannya turut menyentuh sedikit berkaitan kakitangan awam Melayu di Johor. Dalam penulisannya, pengkaji memfokuskan pentadbiran kolonial British di Johor bermula dari tahun 1910 sehingga 1941. Pengkaji turut menyentuh peranan golongan elit dalam pentadbiran negeri Johor. Kehadiran golongan elit ini

²⁷A. Rahman Tang Abdullah. (2007). *Interpreting Abu Bakar, The Ruler of Johore (1862-1895) The Reconstruction of Selected Issues*. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. London: University of London.

²⁸ Chistopher Stephen Gray. 1978. *Johore, 1910-1941 Studies in the Colonial Process*. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. United State: Yale University.

boleh dikategorikan kepada dua iaitu golongan elit yang terdiri daripada ketua-ketua, golongan ulama dan para guru sekolah. Manakala golongan elit kedua pula lahir daripada golongan birokrasi kerajaan yang berperanan dalam membantu pengurusan pentadbiran negeri Johor.²⁹

Walau bagaimanapun, kehadiran golongan elit ini dilihat bermula sejak pentadbiran Johor-Riau lagi apabila peranan mereka ini digunapakai dalam pentadbiran. Mereka ini juga merupakan golongan penyokong Temenggung Abdul Rahman yang menyokong kuasa Temenggung selepas kemangkatan sultan dan kemudiannya bersama-sama membantu membina semula kerajaan Johor. Peranan mereka ini kemudiannya berterusan ketika Sultan Abu Bakar mewarisi tampuk pemerintahan Johor. Sultan Abu Bakar menggunakan peranan mereka ini untuk diletakkan dalam jawatan penting kerajaan. Mereka diberi kepercayaan untuk melaksanakan tanggungjawab membantu pengurusan pentadbiran atas wujud jalinan kepercayaan antara sultan terhadap golongan elit ini kerana ketaatan mereka kepada pemerintah.³⁰

Selain itu, tesis Doktor Falsafah Md. Akbal Abdullah³¹ menjelaskan sejarah pentadbiran dan perkembangan pembangunan tanah di negeri Johor dari tahun 1900 hingga 1970. Kajian ini meneliti tiga perkara asas yang didapati menjadi teras pembangunan tanah iaitu penelitian tentang keadaan pentadbiran tanah dan pendokumentasian geran tanah sebelum 1910, selepas pewartaan Undang-undang Tanah 1910 dan selepas merdeka. Kedua ialah pentadbiran dan pembangunan tanah

²⁹ *Ibid.* Hlm 47.

³⁰ *Ibid.* Hlm 49 & 52.

³¹ Md Akbal Abdullah. 2012. *Sejarah dan Pembangunan Tanah di Negeri Johor dari tahun 1900-1970*. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Bangi: Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia.



penempatan dan ketiga pembangunan tanah pertanian yang dimulai dari tahun yang sama. Penulisan ini menumpukan kepada analisis data penggunaan tanah dengan menggunakan butiran data aktiviti penempatan dan pertanian. perkembangan pentadbiran tanah di negeri Johor sudah beroperasi selewat-lewatnya 60 tahun sebelum pewartaan Undang-undang Tanah 1910 dengan memperkenalkan enam bentuk dokumentasi tanah yang digunakan sebagai kaedah pengurusan tanah.

Pembangunan dan dasar pembangunan tanah menjelang 1910 dengan mengemukakan beberapa dokumen seperti geran mati, surat kebenaran berkebun, surat akuan kebun dan banyak lagi turut diterangkan. Undang-undang tanah dan perubahan pentadbiran tanah yang berlaku sepanjang tahun 1900 hingga 1970 diterangkan secara terperinci secara satu persatu oleh penulis. Penelitian terhadap perkembangan pentadbiran tanah perlu dilakukan bagi melihat perkembangan pentadbiran di Johor ketika zaman kolonial British. Pengkaji bersetuju dengan pendapat yang dikemukakan Md. Akbal B. Abdullah. Hal ini kerana, matlamat utama kedatangan British di Tanah Melayu adalah untuk mengaut keuntungan dari segi ekonomi. Oleh itu, dasar dan pentadbiran yang diperkenalkan oleh pihak kolonial untuk kakitangan awam Melayu ini pasti ada hubung kaitnya dengan pentadbiran dari struktur ekonomi sesebuah kawasan jajahan taklukan mereka.

Penulisan oleh Anna Maree Daukakis³² pula membincangkan tentang penglibatan kakitangan awam wanita yang bekerja dalam pentadbiran negeri Johor sebagai seorang guru khususnya ketika era pentadbiran kolonial British. Penglibatan kaum wanita sebagai guru bermula selepas berlaku perkembangan sistem pendidikan

³² Anna Maree Daukakis.(2012). *Now We Want Malays to a Wakes: Malay Women Teachers in Colonial Johor and Thier Legacy*. Faculty of Art Social Science. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Australia: University of New South Wales Australia



di Johor yang mula membenarkan kaum wanita turut diberi peluang pendidikan yang sama seperti kaum lelaki. Hal ini menyebabkan guru wanita mula diambil bekerja di sekolah perempuan Melayu. Keterbukaan pihak kolonial British menerima kaum wanita melayu untuk bekerja sebagai guru adalah kerana keupayaan guru wanita melaksanakan tugasnya sebagai pendidik di sekolah perempuan Melayu jelas terserlah sejak berlakunya perkembangan sekolah Melayu perempuan di Johor.³³ Rujukan terhadap kajian ini dibuat adalah untuk membuat tinjauan awal berkaitan penglibatan kaum wanita sebagai kakitangan awam dalam pentadbiran negeri Johor semasa era kolonial British.

Selain itu, penulisan oleh Yeo Kim Wah³⁴ membincangkan undang-undang yang dilaksanakan British di Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB). Penulisan ini juga membincangkan usaha untuk menaikkan orang Melayu dalam pentadbiran melalui dasar desentralisasi yang cuba mengurangkan kuasa pentadbiran persekutuan NNMB, memulihkan kuasa pentadbiran negeri-negeri dan melatih orang Melayu sebagai kakitangan awam dalam pentadbiran. Pergerakan ini bermula pada tahun 1920 dan berakhir pada tahun 1940. Selain itu turut disentuh latar belakang dan perkembangan perkhidmatan Awam di Tanah Melayu zaman kolonial British. Penulis juga turut membincangkan pembentukan perkhidmatan awam di Tanah Melayu. Rujukan terhadap penulisan dibuat bertujuan untuk melihat latar belakang kelahiran kakitangan awam Melayu di Tanah Melayu.

Selain itu, kajian lain yang turut menyentuh berkaitan tentang sejarah awal penubuhan perkhidmatan awam di Tanah Melayu ialah kajian yang dibuat oleh Tambi

³³ *Ibid.*

³⁴ Yeo Kim Wah. (1971). *British Policy Toward The Malays in The Federated Malay States, 1920-1940*. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Canberra: Australian National University.

Haji Abdul Hasan.³⁵ Kajian beliau membincangkan tentang tahap profesionalis Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) yang berkhidmat dalam bidang Pengurusan Sumber Manusia. Sejarah awal penubuhan Skim Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PTD) dilihat bermula dengan pengenalan *Malayan Civil Service* (MCS). Skim ini mula diwujudkan selepas termeterainya Perjanjian Pangkor di antara pihak kolonial British dengan raja-raja Melayu bagi negeri Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan pada tahun 1874. Tarikh ini juga menandakan dengan rasminya proses penjajahan pihak kolonial British ke atas negeri-negeri tersebut. Satu sistem birokrasi awam yang disesuaikan dengan rangka politik tradisional telah diperkenalkan oleh pihak kolonial British bertujuan untuk mentadbir keempat-empat buah negeri yang dijajah.³⁶

Disebalik pengenalan birokrasi awam, tindakan pihak kolonial British adalah untuk memudahkan lagi mereka mengembang serta meluaskan jajahan takluk dan kuasa kolonial British di rantau ini amnya dan di Tanah Melayu khususnya. Langkah awal untuk melahirkan golongan pentadbir Melayu bermula dengan Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) pada 2 Januari 1905. Penubuhannya dirancang bagi tujuan melatih serta mendidik anak-anak dari golongan aristokrat Melayu sebagai persediaan sebelum menganggotai perkhidmatan kerajaan di peringkat pertengahan. Tindakan pihak kolonial British menyerapkan golongan aristokrat Melayu ke dalam sistem birokrasi mereka adalah supaya proses pengambilalihan pentadbiran dapat dilaksanakan dengan licin dan halus.³⁷

³⁵ Tambi Haji Abdul Hasan.(1991). *Tahap Profesionalisme Pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan. Selangor: Universiti Putra Malaysia.

³⁶ *Ibid.*

³⁷ *Ibid.*

Seterusnya, Norsuhaidah Abdul Rahman³⁸ dalam penulisannya membincangkan sistem pemerintahan dan pentadbiran yang dikendalikan oleh pegawai-pegawai kerajaan yang dipilih oleh rakyat di Johor pada tahun 1914 hingga 1941. Penguasaan British di Johor bermula pada tahun 1914 dengan pelantikan Penasihat Am di Johor. Selepas penguasaan British, berlaku proses perkembangan organisasi kerajaan yang semakin kompleks dan ini telah memberi impak kepada golongan elit. Hal ini kerana, pelantikan sesuatu jawatan tidak lagi dinilai semata-mata berasaskan tali persaudaraan atau kesetiaan, tetapi berasaskan pencapaian, pendidikan, kelayakan dan kecekapan. Kehadiran golongan elit ini juga berjaya menghalang hasrat British menguasai pentadbiran Johor sepenuhnya. Hal ini kerana, sehingga tahun 1917 keanggotaan pegawai-pegawai Melayu dalam Majlis Mesyuarat Kerja Dewan masih dikekalkan.

Walaupun skop masa kajian penulis sama dengan pengkaji namun fokus kajian keduanya berbeza. Fokus kajian ini adalah untuk melihat struktur birokrasi di Johor, meneliti dasar-dasar British yang dilaksanakan terhadap pentadbiran, melihat hubungan pegawai-pegawai Melayu dengan pegawai British dalam birokrasi dan pencapaian orang Melayu dalam birokrasi. Manakala fokus kajian pengkaji adalah menganalisis penglibatan kakitangan awam Melayu dalam sistem pentadbiran kolonial di Johor dengan melihat isu yang dihadapi oleh kakitangan awam semasa berkhidmat dalam pemerintahan kolonial British.

³⁸Norsuhaidah Abdul Rahman. (2013). *Perkembangan Birokrasi di Johor, 1914-1941*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Universiti Malaya.

Lim Dee Yan³⁹ pula dalam penulisannya menyentuh peranan dan perkembangan *Johor Military Forces (JMF)* dari tahun 1885 hingga 1995. JMF ditubuhkan pada tahun 1885 selepas termeterainya Perjanjian Setia antara Sultan Abu Bakar dengan British bagi tujuan mengukuhkan keamanan dan mempertahankan Johor dan Singapura dari ancaman luar. Pada awal penubuhan JMF ini dikenali sebagai Timbalan Setia Negeri (TSN). Pada peringkat awal penubuhan, seramai 60 orang pemuda Melayu dipilih menganggotai pasukan ini. Selain itu, Sultan Abu Bakar juga menubuhkan sebuah pasukan pengawal istana (*Istana Guard*) terdiri daripada dua puluh orang berbangsa Kabul bagi menguatkan undang-undang dan menjaga keselamatan istana. Setahun kemudian, Sultan Abu Bakar telah membuat perubahan bagi kedua-dua pasukan. Pasukan TSN yang bertaraf polis dinaik taraf menjadi Pasukan Askar (Infantri). Manakala pasukan pengawal istana pula dijadikan pasukan meriam.

Pada tahun 1887, satu jabatan khusus ditubuhkan iaitu Jabatan Tentera atau Askar Timbalan Johor. Seorang pegawai Batalion Kedua Tentera Meriam Diraja Divisyen Irish Selatan dipinjam bagi memberi latihan kepada beberapa orang muda Johor untuk menjadi pegawai-pegawai dalam pasukan terutamanya mereka yang boleh berbahasa Inggeris. Selepas Perang Dunia Kedua peranan JMF dalam pentadbiran mulai merosot. JMF kini kehilangan kuasanya yang berperanan sebagai menjaga keselamatan negeri dan bertindak sebagai askar adat istiadat dan pengawal istana sahaja. Rujukan terhadap penulisan ini dibuat bagi melihat perkembangan salah satu kumpulan kakitangan awam Melayu yang bekerja dalam pentadbiran Johor.

³⁹Lim Dee Yan. (1996). *Johore Military Forces 1885-1995*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan. Bangi: Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia.



Selanjutnya, penulisan Sharipah Najihah Sayed Alwe⁴⁰ pula membincangkan tentang perkembangan salah sebuah daerah di negeri Johor iaitu Pontian. Pontian pada ketika dahulu dikenali dengan panggilan Kukub. Daerah Pontian ini dibuka secara rasmi pada tahun 1835. Pontian menunjukkan potensi untuk dibangunkan melalui usaha yang dilakukan oleh Syed Mohammad Alsagoff. Beliau telah menjadikan Pontian daripada kawasan hutan kepada suatu kawasan pertanian yang produktif. Selain itu, Syed Mohammad Alsagoff juga memainkan peranan dalam kemasukan pendatang-pendatang dari kepulauan Indonesia. Ekonomi Pontian tertumpu pada pengeluaran tanaman-tanaman eksport seperti getah, kelapa sawit, nanas dan sebagainya.

Penulisan oleh M.Vimala P. Murugan⁴¹ pula menyentuh peranan sesebuah kerajaan tempatan bagi menyediakan sebuah kawasan tempatan yang sesuai dan selesa untuk didiami. Fokus kajian adalah di bandar Johor Bahru. Sehingga tahun 1910, pentadbiran Johor masih dikuasai oleh sultan. Reformasi berlaku di Johor Bahru menurut perkembangan Barat menandingi perkembangan di negeri-negeri Melayu lain. Antara yang dibincangkan adalah akta-akta kerajaan tempatan dari tahun 1950 hingga 1954 yang membawa perubahan dalam pentadbiran. Perancangan bandar yang dilakukan oleh Majlis Perbandaran Johor Bahru (MPJB) memberikan wajah baharu kepada Johor Bahru. Jangka masa tahun 1973 hingga tahun 1976 merupakan era perubahan pesat. Pentadbiran kerajaan tempatan ini telah menjalankan tugas yang cemerlang dengan dorongan yang diberikan oleh kerajaan negeri.

⁴⁰Sharipah Najihah Sayed Alwe. (1989). *Sejarah Pontian (1835-1957)*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda yang tidak diterbitkan. Bangi: Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia.

⁴¹M.Vimala P. Murugan. (1994). "*Sejarah perkembangan kerajaan tempatan di Johor Bahru dari tahun 1911 hingga 1993*". Latihan Ilmiah Sarjana Muda yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya.



“Sejarah Batu Pahat: 1917-1942” hasil penulisan Abd. Jalil Abd Gani⁴² pula mengupas perkembangan pentadbiran di Batu Pahat bermula dari tahun 1917 hingga ke tahun 1942. Pentadbiran Batu Pahat dibahagikan kepada pentadbiran daerah, bandaran, mukim dan kampung. Perkembangan pentadbiran di Batu Pahat berlaku adalah kerana berlakunya kemajuan dalam ekonomi dan sosial apabila munculnya beberapa buah kawasan kampung baharu dan penduduk juga semakin bertambah. Struktur pentadbiran ketika ini masih dipegang oleh orang Melayu tetapi bidang kuasa mereka semakin berkurang. Misalnya, jawatan Pesuruhjaya Kerajaan dan Penghulu ini tidak lagi mempunyai bidang kuasa yang mutlak kerana berada di bawah kuasa pengawasan pihak pentadbir berbangsa Inggeris.

Perkembangan pentadbiran yang kemas dan cekap di Batu Pahat ini telah membawa kepada kemajuan dan perkembangan ekonomi. Hal ini boleh dilihat apabila pendapatan daerah meningkat dengan kadar yang besar dari tahun 1916 hingga 1930. Hanya tahun 1928, 1921, 1927 dan 1920 sahaja menunjukkan pendapatan berkurangan jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya. Ekonomi utama di Batu Pahat ialah getah, perlombongan dan beberapa ekonomi sampingan lain seperti kelapa, pinang, padi dan sebagainya.

Penulis turut menerangkan secara terperinci berhubungan perkembangan ekonomi di Batu Pahat dengan mengemukakan data-data penting berhubung perkembangan ekonomi yang berlaku. Batasan kajian ini lebih memfokuskan kepada perkembangan salah sebuah daerah di Johor iaitu daerah Batu Pahat. Penulisan ini banyak menyentuh tentang perkembangan pentadbiran pada tahun 1917-1942 dan

⁴²Abd Jalil Abd Gani. (1976). “*Sejarah Batu Pahat: 1917-1942*” Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan: Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia.

menjadi rujukan sampingan kepada pengkaji untuk melihat perkembangan kakitangan awam Melayu di daerah Batu Pahat.

Selain itu, rujukan lain berkaitan tentang daerah Batu Pahat adalah penulisan M.A. Fawzi Mohd. Basri yang bertajuk “Daerah Batu Pahat: 1880-1917”⁴³ adalah berkaitan perkembangan pentadbiran di daerah Batu Pahat pada tahun 1880 hingga tahun 1917. Sebelum tahun 1893, Daerah Batu Pahat mempunyai institusi Orang Kaya di Minyak Beku dan Bagan. Orang Kaya-kaya ini dan Penghulu-penghulu mentadbir beberapa kumpulan kampung. Penulis menerangkan perkembangan sistem pentadbiran di Batu Pahat dengan kemunculan sistem pentadbiran tersusun menerusi pembangunan pusat bandar, pejabat pos, pejabat daerah, pejabat tanah dan sebagainya.

Namun, menjelang tahun 1911 muncul satu sistem pentadbiran yang meletakkan pegawai British J.L. Humphreys dilantik dan diberi tugas dan kuasa majistret, pemungut khazanah, tanah dan hasil-hasil daerah. Kajian yang dilaksanakan bagi melihat perkembangan daerah Batu Pahat dari tahun 1880 hingga tahun 1917 dari sudut pentadbiran yang diuruskan oleh orang Melayu tetapi tidak melihat perkembangan pentadbiran selepas kemasukan J.L. Humphreys sebagai penasihat di Batu Pahat. Rujukan ini dibuat untuk melihat kakitangan awam Melayu sebelum kemasukan kolonial British.

Seterusnya, kajian oleh Tan Lee Lee pula menulis tentang “*Datuk Bentara Luar, Arkitek Pembangunan Batu Pahat:1894-1911*”. Penulisan ini menceritakan ketokohan dan sumbangan salah seorang kakitangan awam di Johor iaitu Datuk

⁴³M.A. Fawzi Mohd. Basri. (1972). Daerah Batu Pahat (1880-1917): Satu Kajian Ringkas Mengenai Perkembangan Pentadbiran Daerah-daerah Dalam Negeri Johor. *Jebat*. Bil 2.



Bentara Luar dalam pentadbiran beliau. Datuk Bentara Luar ini diberi amanah oleh sultan untuk mengurus tadbir kawasan jajahan Johor di Batu Pahat dari tahun 1894 hingga 1911 iaitu sebelum kemasukan pihak kolonial di Johor dan Batu Pahat. Menurut pengkaji, Datuk Bentara Luar, Dato Salleh Bin Perang merupakan individu yang banyak menghulurkan sumbangan beliau dalam pembangunan pentadbiran di Batu Pahat.

Corak pentadbiran yang dilaksanakan Datuk Bentara Luar di daerah Batu Pahat banyak dipengaruhi oleh pentadbiran utamanya, Johor Bahru. Sebelum kemasukan British ke daerah Batu Pahat, daerah ini telah ditadbir oleh Datuk Bentara Luar, Dato' Mohammad Salleh Bin Perang. Bagi penduduk Batu Pahat, beliau merupakan 'bapa' mereka kerana beliau merupakan tokoh yang berjuang memajukan dan memodenkan daerah Batu Pahat. Sejarah bermula apabila Sultan Abu Bakar meminta Datuk Bentara Luar, Dato' Mohammad Salleh Bin Perang untuk memulakan kerja menerokai Batu Pahat pada 2 Disember 1893.⁴⁴ Selepas kemasukan kolonial British ke Johor, beberapa perubahan dilakukan bagi membina sistem pentadbiran yang cekap dan mantap.

Ketokohan Datuk Bentara Luar di dalam pentadbiran yang diketuainya di Batu Pahat dapat dilihat apabila kegigihan beliau mentadbir Batu Pahat sehingga berkembang menjadi satu pentadbiran yang sangat kemas dan cekap. Selain itu usaha yang dilaksanakan Datuk Bentara Luar ini adalah atas usahanya sendiri tanpa mendapat bantuan kewangan daripada Sultan sebaliknya beliau membangunkan Batu Pahat dengan wangnya sendiri dan pinjaman daripada Orang Kaya-Kaya. Datuk

⁴⁴ Tan Lee Lee. *Datuk Bentara Luar, Arkitek Pembangunan Batu Pahat: 1894-1911*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda yang tidak diterbitkan. Arkib Cawangan Johor. Hlm 10-12.



Bentara Luar merupakan salah seorang kakitangan awam Melayu yang menjadi contoh ketokohan kakitangan awam Melayu di Johor yang mempunyai kewibawaan sebagai salah seorang pemimpin daerah negeri Johor.⁴⁵ Rujukan terhadap kajian ini dibuat bagi melihat ketokohan dan latar belakang kakitangan awam Melayu yang membantu dalam pentadbiran di Johor. Oleh itu, rujukan ini membantu kajian pengkaji yang memfokuskan kakitangan awam Melayu di Johor ketika zaman pemerintahan kolonial British.

Penulisan bertajuk “Pasukan Polis Selangor 1914-1945: Peranan dan Perkembangan” oleh Rokiah Abd Ghani⁴⁶ membincangkan tentang institusi polis di negeri Selangor pada tahun 1914 hingga 1945. Pada masa kini, Polis Diraja Malaysia (PDRM) merupakan salah satu jabatan kerajaan yang besar di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan merupakan sebuah jabatan yang mempunyai aktanya sendiri iaitu Akta Polis 1967, Peraturan-peraturan Polis, Hukum-hukum Tetap dan tata tertib yang ketat untuk seluruh anggotanya.

Sejarah penubuhan PDRM ini bermula pada abad ke-19 apabila orang-orang Inggeris mula menjalin hubungan dengan Tanah Melayu berikutan penaklukan Pulau Pinang pada tahun 1786. Pasukan polis pertama ditubuhkan di Pulau Pinang iaitu pada tahun 1806, diikuti Melaka pada tahun 1824, seterusnya di Perak pada tahun 1875, Negeri Sembilan dan Sungai Ujong serta Pahang pada tahun 1888. Pada tahun 1896, Polis Persekutuan Tanah Melayu dibentuk bagi menyatukan pasukan-pasukan polis sedia ada. Pasukan Polis ini ditubuhkan secara berasingan bagi Negeri-negeri

⁴⁵ *Ibid.*,

⁴⁶ Rokiah Abd Ghani. (2003). *Pasukan Polis Selangor 1914-1945: Peranan dan Perkembangan*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya.

Melayu Tidak Bersekutu iaitu Johor, Kedah, Perlis, Terengganu dan Kelantan antara tahun 1896 hingga tahun 1920. Matlamat penubuhan pasukan polis adalah untuk menjaga keamanan dan keharmonian negara. Selain itu pasukan ini juga berperanan mengekalkan ketenteraman dalam negara tanpa rusuhan.

Pasukan Keamanan Awam atau Pasukan Polis di Selangor wujud sejak zaman tradisional lagi. Pasukan ini begitu terikat kepada sistem politik yang wujud pada ketika itu. Menjelang penguasaan British di Selangor, pasukan polis Selangor ini mula dianggotai oleh kakitangan Inggeris dan sepoi India berikutan kebanyakan orang Melayu tidak tahu membaca dan mengira. Fokus penulisan ini adalah berkenaan salah satu kakitangan awam dalam pentadbiran iaitu Pasukan Polis yang berperanan dalam menjaga keamanan negeri. Selain itu, turut disentuh adalah peranan pasukan polis Selangor dalam menangani masalah jenayah di negeri ini, semasa rusuhan Parti Komunis Malaya dan pendudukan Jepun di Selangor.

Di samping itu, Siti Zaleha Majid⁴⁷ dalam penulisannya pula membincangkan sistem pentadbiran Tanah di Kajang bermula pada zaman tradisi hingga ke zaman kolonial British. Pihak British juga cuba mewujudkan undang-undang dan peraturan sejak awal kehadiran mereka di Tanah Melayu. Semasa pentadbiran British, lantaran masyarakat Selangor menjalankan aktiviti pertanian, pihak British telah memperkenalkan satu sistem yang dipanggil Sistem Pendaftaran Tanah Torrens. Orang yang bertanggungjawab melaksanakan sistem Torrens ini ialah W.E. Maxwell yang menjadi residen di Selangor pada tahun 1889.

⁴⁷Siti Zaleha Majid. (2003). *Sejarah Pentadbiran Tanah di Kajang 1874-1940*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya.

Dalam mengendalikan struktur dan organisasi pentadbiran tanah pula, kebanyakan kakitangan adalah terdiri daripada pegawai-pegawai British. Walau bagaimanapun, pihak British masih mengambil kakitangan tempatan bagi mengisi jawatan pada peringkat daerah dan kampung. Namun, pihak British mengendalikan pentadbiran di peringkat atasan dan berperanan dalam semua jawatan yang ada di pejabat Tanah Klang.

Penulisan berjudul “Campur tangan British dalam Politik Selangor 1867-1941” oleh Norasiah Abd Wahab⁴⁸ membincangkan tentang penguasaan pihak British terhadap politik di Selangor. Pertelingkahan anak-anak raja tentang pewarisan takhta menjadi salah satu faktor jatuhnya Selangor ke tangan pihak British. Perang Kelang berlaku selama tujuh tahun dan ini memberi peluang kepada pihak British untuk campur tangan dalam politik Selangor. Sir Andrew Clarke merupakan pegawai British yang bertanggungjawab meletakkan Selangor dalam genggaman pihak British. Pada 15 September 1874, Gabenor Sir Andrew Clarke telah meletakkan seorang pegawainya bernama Frank Swettenham di kawasan Langat bagi menasihati sultan dan pembesar Selangor dalam hal pemerintahan negeri.

Residen pertama Selangor ialah J.G Davidson akhirnya dilantik yang bertanggungjawab dalam pentadbiran kecuali hal agama dan adat istiadat. Bagi mewujudkan keseragaman, pihak British kemudiannya telah menubuhkan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB) dan Selangor menyertainya. Penyertaan Selangor ini membawa perubahan dalam pentadbiran di mana seorang Residen Jeneral dilantik untuk mengetuai NNMB. Akibatnya, peranan dan kuasa sultan dalam pentadbiran

⁴⁸Norasiah Abd Wahab. (2003). *Campur Tangan British dalam Politik Selangor 1867-1941*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya.



negeri mula mengecil apabila bidang kuasa dalam politik mula diambil alih oleh Residen Jeneral yang dilantik.

Penulisan berjudul “Pentadbiran dan Pembangunan di Sabah Pada Era Pemerintahan Kolonial 1946-1963” oleh Betterya Ahubol⁴⁹ membincangkan sejarah pentadbiran kolonial British yang bermula pada tahun 1946, setelah Jepun menyerah kalah dalam Perang Dunia Kedua. Pentadbiran British di Sabah merupakan kesinambungan daripada Syarikat Borneo Utara British (SBUB). Apabila Jepun menyerah kalah pada tahun 1945, keadaan ini memberi peluang kepada pihak British untuk kembali berkuasa di Sabah. Di London, Sir Neill Malcom dan ahli lembaga Pengarah menyedari bahawa usaha untuk membaik pulih Sabah agak sukar dan memakan belanja yang besar. Oleh itu, Lembaga Pengarah membuat keputusan untuk menyerahkan Borneo kepada kerajaan British bagi mengelakkan negeri ini jatuh ke tangan kuasa lain. Pada tahun 1946, satu perjanjian penyerahan Sabah kepada *Crown Colony* ditandatangani. Pihak British membayar pampasan kepada SBUB sebanyak \$860,600.

Asas pentadbiran SBUB telah diadaptasi oleh pihak British semasa pemerintahan mereka pada tahun 1946. Walau bagaimanapun, pentadbiran British sepanjang tempoh 17 tahun telah menyumbang kepada pembangunan negeri Sabah dalam aspek politik, ekonomi dan sosial. Pentadbiran Sabah semasa kolonial British terbahagi kepada tiga badan utama iaitu Majlis Eksekutif, Majlis Legislatif dan Majlis Daerah. Ketiga-tiga badan utama ini berfungsi sebagai pelaksana kepada pentadbiran

⁴⁹Betterya Ahubol. (2003). “Pentadbiran dan Pembangunan di Sabah Pada Era Pemerintahan Kolonial 1946-1963”. Latihan Ilmiah Sarjana Muda yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Universiti Malaya.



British dan saling berhubung antara satu sama lain bagi kelancaran sistem pentadbiran yang lebih sistematik.

Turut dibincangkan dalam penulisan ini adalah dasar penstrukturan semula pentadbiran awam, dasar pentadbiran peringkat daerah dan dasar peringkat tempatan. Selain itu, skala gaji dan kelayakan menganggotai badan eksekutif turut dimuatkan. Skala gaji pentadbiran awam ini dibayar berdasarkan tahap pencapaian akademik. Selain itu, calon yang dilantik menjadi pentadbir eksekutif seharusnya seorang yang matang dan berusia antara 18 hingga 35 tahun. Dari segi penyertaan peribumi dalam pentadbiran pula, pihak kolonial British memberi peluang kepada golongan tempatan dalam pentadbiran. Walau bagaimanapun, tugas dan kuasa minoriti sahaja yang diberikan kepada wakil-wakil peribumi. Hal ini bertujuan untuk mengelakkan mereka lebih arif dalam aspek pentadbiran dan menuntut kemerdekaan.

Selain itu, pengkaji turut membuat beberapa rujukan jurnal. Antaranya ialah jurnal yang dihasilkan oleh Mohd Sarim Haji Mustajab⁵⁰ kerana penulis membincangkan penglibatan golongan elit dalam pentadbiran di Johor sehingga tahun 1930. Menurut Mohd Sarim, penglibatan golongan elit ini dapat dikesan sejak tahun 1870-an lagi iaitu sewaktu Johor berada di bawah pentadbiran Sultan Abu Bakar. Pada awal penubuhan pentadbiran pusat, kakitangan awam Melayu yang terlibat dalam pentadbiran ini terdiri daripada saudara terdekat dan sahabat baik sultan sendiri. Pada mulanya golongan ini terlibat dalam industri gambir dan lada hitam. Namun, hari demi hari semakin ramai orang luar yang berpindah ke Johor dan ini menjadikan penglibatan golongan elit ini terus berkembang kepada pengurusan pentadbiran pula.

⁵⁰Mohd Sarim Haji Mustajab. (1993). Malay Elite Participation in the Johor Civil Service: Its Origin and Development Until the 1930's. *Jebat*. Bil. 21.



Selepas kemangkatan Sultan Abu Bakar pada tahun 1885, Johor melaksanakan penubuhan pentadbiran baharu bagi melatih kakitangan awam Melayu dalam mengekalkan kedaulatan negeri.

Jurnal bertajuk “Perubahan Kepimpinan Penghulu di Daerah Muar Tahun 1862-1940” oleh Khalid Jusoh, Teo Kok Seong dan Mohd Samsudin⁵¹ membincangkan tentang perubahan kepimpinan penghulu di negeri Johor daripada tahun 1862 sehingga 1940 iaitu selama 78 tahun. Kajian tertumpu kepada tempoh kepimpinan penghulu pada zaman sebelum merdeka. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kualitatif serta dibantu dengan temu bual terhadap tokoh-tokoh yang terlibat dalam sistem pentadbiran penghulu. Kajian ini menumpu pada penilaian perubahan kepimpinan penghulu dalam dua tujuan utama. Pertama, mengkaji tentang perubahan yang berlaku sebelum dan selepas penyerahan daerah Muar kepada Maharaja Abu Bakar pada tahun 1879 dan perkembangan institusi penghulu selepas pembukaan bandar Maharani pada tahun 1884. Kedua, mengkaji perubahan dan perkembangan institusi penghulu sekitar tahun 1900 sehingga 1940 selaras dengan perkembangan institusi penghulu itu sendiri. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kepimpinan secara keseluruhannya ialah tinggi. Sungguhpun sering mengalami perubahan dan cabaran, institusi penghulu masih dapat dikekalkan kewujudannya atau dengan erti kata sebenarnya peranan penghulu sentiasa diperlukan oleh anak buahnya sebagai tempat rujukan dalam pelbagai aspek kehidupan demi memenuhi mutu hidup masyarakat.

⁵¹ Khalid Jusoh, Teo Kok Seong dan Mohd Samsudin. (2016). Perubahan Kepimpinan Penghulu di Daerah Muar Tahun 1862-1940. *International Journal of The Malay World and Civilisation (IMAN)*. Bil 4(3).





Seterusnya, penulisan jurnal bertajuk “Pemodenan Johor: Peranan Golongan Pembesar”⁵² oleh Rahimah Abdul Aziz membincangkan peranan golongan pembesar dalam memodenkan negeri Johor, khususnya pada tahun-tahun sebelum merdeka. Dalam usaha mengekang kemasukan kolonial British dalam pentadbiran British, Temenggung Ibrahim berusaha membangunkan dan memajukan negeri Johor ke arah yang lebih baik. Baginda memperkuat sistem tradisional dengan memasukkan unsur-unsur, teknik dan kaedah baharu yang diambil dari Barat untuk membentuk sistem pentadbiran Johor. Usaha ini dilaksanakan bagi menghalang tekanan dari luar dalam semua aspek politik, sosial, ekonomi dan agama.

Usaha ini kemudiannya diteruskan pula oleh Sultan Abu Bakar. Sultan Abu Bakar telah menggantikan jabatan-jabatan tradisional kepada jabatan bercorak Barat.

Jabatan-jabatan ini disusun semula dan dibentuk untuk menjalankan fungsi-fungsi baharu negeri. Menjelang tahun 1873, negeri Johor mempunyai beberapa jabatan khusus berhubung kewangan, undang-undang, polis, penjara, laut, kesihatan, pelajaran dan kereta api yang diletakkan di bawah kawalan Setiausaha Kerajaan. Jabatan-jabatan ini diketuai oleh pengikut-pengikut setia dan orang kepercayaan temenggung. Mereka juga menjadi ahli Mesyuarat Kerajaan. Orang Barat juga diambil dalam perkhidmatan kerajaan termasuk guru, doktor, pegawai tentera, jurutera dan juruteknik.

⁵²Rahimah Abdul Aziz. (2000). Pemodenan Johor: Peranan Golongan Pembesar. *Seminar Sejarah dan Budaya Johor Tahun 2000: Pemantapan Sejarah dan Budaya Pada Alaf Baru*. Johor Bahru. 3-6 Mei 2000.



Seterusnya, penulisan jurnal bertajuk “Kedah Pasca Perjanjian 1923: Kedudukan Orang Melayu dalam Pentadbiran Kerajaan”⁵³ oleh Noor Ain Mat Nor dan Ahmad Kamal Ariffin membincangkan isu berkaitan kedudukan orang Melayu dalam pentadbiran Kedah. Majlis Mesyuarat Negeri (MMN) yang ditubuhkan pada 1905 mempunyai peranan yang luas termasuklah membuat undang-undang dan peraturan pentadbiran serta menetapkan dan menentukan kira-kira perbelanjaan negeri. Melalui MMN, undang-undang dan peraturan dikeluarkan untuk mengawal kehidupan rakyat.

Konflik yang tercetus antara pentadbir Melayu Kedah dengan pihak British memaksa satu Perjanjian 1923 dimeterai pada 1 November 1923 sebagai jalan penyelesaian terhadap krisis yang timbul serta menjelaskan lagi hubungan antara Kedah dengan British. Dalam proses menandatangani perjanjian ini, pihak Kedah sedaya upaya cuba mempertahankan kepentingan dan kedaulatan negerinya. Dalam hal ini, Pemangku Raja iaitu Tunku Ibrahim telah mengemukakan beberapa syarat penting. Antara syarat-syarat yang dikemukakan ialah Penasihat British yang hendak dihantar bertugas ke Kedah perlulah terlebih dahulu dirujuk kepada MMN dan dipersetujui oleh Pemangku Raja. Pegawai tadbir British dihantar ke Kedah perlulah mendapat kelulusan daripada MMN dan bukannya Penasihat British. Pemerintah Kedah juga berhak menukarkan seseorang pegawai British daripada perkhidmatan awam Kedah jika didapati perkhidmatannya itu tidak memuaskan atau tidak lagi dikehendaki. Bagi jawatan pegawai negeri Kedah, keutamaan akan diberikan kepada orang Melayu yang menetap di Kedah.⁵⁴

⁵³ Noor Ain Mat Nor & Ahmad Kamal Ariffin. *SEJARAH: Journal of the Department of History. Vol 19 No. 19* (2011) Sejarah. Kedah Pasca Perjanjian 1923: Kedudukan Orang Melayu dalam Pentadbiran Kerajaan. Universiti Malaya. Hlm 154-156

⁵⁴ *Ibid.*



Dalam MMN Kedah juga, walaupun Penasihat British disenaraikan sebagai ahli, namun pihak yang menguasai MMN adalah orang Melayu yang terdiri daripada Presiden, Setiausaha Kerajaan, Ketua Hakim dan lain-lain pegawai tinggi kerajaan. Penasihat British tidak mempunyai kuasa dalam mengeluarkan sesuatu arahan dalam MMN sebaliknya kuasa tersebut adalah terletak di tangan Presiden MMN. Namun, Penasihat British berhak membuat sebarang cadangan terhadap sesuatu perkara yang dibincangkan dalam MMN. Walau bagaimanapun, kuasa untuk memutuskannya masih terletak di tangan Presiden MMN. Konklusinya, Kedudukan orang Melayu dalam pentadbiran Kedah selepas Perjanjian 1923 didapati terjamin. Hal ini demikian kerana peranan yang dimainkan oleh MMN berjaya mengekalkan kedudukan orang Melayu dalam pentadbiran Kedah.⁵⁵ Fokus kajian ini sama seperti pengkaji iaitu melihat penglibatan dan kedudukan kakitangan awam Melayu dalam pentadbiran selepas campur tangan British di kawasan kajian.



Seterusnya, jurnal penulisan Nur Najwa Yusof pula memfokuskan kajian berkaitan sejarah Perkhidmatan Awam Persekutuan Tanah Melayu bermula pada tahun 1948 sehingga 1957.⁵⁶ Kajian menunjukkan perjanjian penubuhan perjawatan Malaya membawa perubahan dalam perkhidmatan awam Persekutuan Tanah Melayu. Hal ini kerana tujuan Perjanjian Penubuhan Perjawatan Malaya 1948 dibentuk adalah bertujuan untuk membentuk suatu penjawatan bersama bagi mendapatkan calon berkeelayakan mengisi jawatan kosong dalam perkhidmatan awam.

⁵⁵ *Ibid.* hlm 159-160.

⁵⁶ Nur Najwa Yusof . *Malaysia dari segi Sejarah (Malaysia in History)*. KDN PP 1263/5/2014 ISSN 1675-0594 Bil 42-2014. Sejarah Perkhidmatan Awam Persekutuan Tanah Melayu, 1948-1957. hlm 72-76



Pengambilan pegawai Melayu terus ke jawatan MCS bermula setelah tertubuhnya Universiti Malaya di Singapura pada tahun 1949. Pegawai-pegawai Melayu ini perlu memenuhi syarat kelayakan pelantikan jawatan iaitu mempunyai kelulusan ijazah Sarjana Muda dengan kepujian. Pada tahun 1953, seramai lima orang pegawai Melayu dilantik menjadi MCS. Jumlah ini dilihat sangat kecil. Oleh itu, Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 menetapkan hanya rakyat dan warganegara Persekutuan sahaja yang boleh dilantik ke jawatan-jawatan tetap Perkhidmatan Awam.

Selain itu, statistik menunjukkan golongan Cina lebih ramai mendominasi perkhidmatan awam peringkat atasan berbanding kaum Melayu dan India. Hal ini berlaku kerana kaum Cina dilihat mendapat pendidikan yang lebih baik kerana tinggal di kawasan bandar. Kaum Melayu juga dilihat lebih mendominasi perkhidmatan awam bukan profesional seperti kastam, polis, imigresen, kakitangan polis dan sebagainya kerana profesional ini tidak memerlukan pendidikan tinggi seperti profesion peguam, jurutera dan sebagainya.⁵⁷

Loganathan Veerasamy dan Sivachandralingam Sundara Raja dalam penulisan mereka pula membincangkan integriti dalam perkhidmatan awam pada era Tunku Abdul Rahman Putra Al- Haj pada tahun 1957 hingga 1970.⁵⁸ Kerajaan membentuk perkhidmatan awam sebagai jentera pelaksana program dan dasar-dasar kerajaan. Perkhidmatan kerajaan atau lebih dikenali sebagai perkhidmatan awam merupakan jentera kerajaan terbesar yang dibentuk untuk menyampaikan perkhidmatan untuk

⁵⁷ *Ibid.* Hlm 76.

⁵⁸ Loganathan Veerasamy & Sivachandralingam Sundara Raja. *SEJARAH: Journal of the Department of History. Vol 23 No. 1* (2014) Integriti dalam Perkhidmatan Awam pada era Tunku Abdul Rahman Putra Al- Haj, 1957-1970. Universiti Malaya. Hlm 148.



seluruh rakyat. Tunku Abdul Rahman memperkenalkan dasar *MeMalaysiakan* perkhidmatan awam. Di bawah dasar tersebut kerajaan mengeluarkan arahan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam yang merupakan tulang belakang kepada pentadbiran persekutuan untuk melantik pegawai dan kakitangan warganegara Malaysia yang bersesuaian dan berkelayakan bagi mengambilalih jawatan-jawatan dalam perkhidmatan awam yang selama ini disandang oleh pegawai-pegawai '*expatriate*'.⁵⁹

Perkhidmatan awam yang ingin dibentuk oleh pemimpin negara sama sekali berbeza jika dibandingkan dengan perkhidmatan awam di bawah pentadbiran British. Perkhidmatan awam di bawah kerajaan British hanya berfungsi sebagai perkhidmatan penjagaan dan penyelenggaraan. Perkhidmatan tersebut lebih menumpukan kepada kerja rutin untuk mengekalkan '*status quo*' dan menjalankan pembangunan berdasarkan keperluan. Senario tersebut mula berubah di bawah kepimpinan Tunku Abdul Rahman yang melihat perkhidmatan awam sebagai agensi *regulatory*, pemangkin serta fasilitator kepada pembangunan negara.⁶⁰

Perjuangan untuk membentuk perkhidmatan awam yang efisien dan memantapkan integriti dalam perkhidmatan awam dilaksanakan menerusi penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) yang berperanan sebagai badan bebas untuk melantik calon-calon yang mempunyai kelulusan akademik, memiliki nilai-nilai murni dan mempunyai kerakyatan Persekutuan untuk berkhidmat dalam perkhidmatan awam. Penubuhan SPA juga mencerminkan merit birokrasi organisasi kerajaan bagi menjamin taraf perkhidmatan, kenaikan pangkat dan pengaplikasian disiplin tanpa diskriminasi dalam kalangan kakitangan. Pengamalan sistem yang telus dalam SPA,

⁵⁹ *Ibid.* hlm 149.

⁶⁰ *Ibid.* hlm 150.





membantu melantik tenaga modal insan yang berkualiti unggul dalam perkhidmatan awam.⁶¹ Fokus kajian ini adalah melihat Perkhidmatan Awam Persekutuan Tanah Melayu bermula pada tahun 1948 sehingga 1957 iaitu sewaktu Tanah Melayu menuju ke arah kemerdekaan. Sebaliknya kajian pengkaji pula lebih menfokuskan Perkhidmatan Awam semasa zaman pemerintahan kolonial British di Johor.

Penulisan bertajuk “Perkembangan Pentadbiran Penasihat British-Siam dan Reaksi Golongan Diraja di Kelantan, 1903-1909” oleh Ahmad Farhan Abdullah⁶² pula menjelaskan berkenaan usaha British mengukuhkan kedudukan di Kelantan bagi menyekat kemaraan negara Eropah lain menguasai Kelantan. *Duff Development Syndicate* memainkan peranan penting dalam menjaga kepentingan British di Kelantan. Hal ini dapat dilihat apabila *Duff Development Syndicate* menandatangani perjanjian bersama Long Senik, Raja Kelantan. *Duff Development Syndicate* kemudiannya memainkan peranan sebagai Penasihat Raja Kelantan. Namun, jika ditinjau dengan lebih mendalam, penubuhan *Duff Development Syndicate* adalah bertujuan untuk mengaut keuntungan hasil bumi terutamanya emas di Kelantan.⁶³

Graham ketika berkhidmat sebagai Penasihat Inggeris di Kelantan memberi keutamaan kepada pentadbiran diraja Kelantan dalam mentadbir kerajaan British-Siam. Hal ini terbukti apabila Graham mengekalkan pelantikan Long Mahmud sebagai Ketua Pasukan Polis. Graham turut menggunakan khidmat kerabat diraja sebagai pegawai dalam pentadbirannya. Manakala pentadbiran mahkamah pula mengekalkan Long Senik sebagai Ketua Mahkamah yang mempunyai kuasa mutlak dalam sistem

⁶¹ *Ibid.* hlm 151-152.

⁶² Abdullah Zakaria Ghazali & Ho Hui Ling (ed.). 2012. Warisan Kelantan XXX. Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. Hlm 71-73.

⁶³ *Ibid.* hlm 80-83.



tersebut. Seterusnya, peranan orang Melayu turut dikekalkan dalam jabatan-jabatan kerajaan lain seperti Jabatan Penjara, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Perbendaharaan dan sebagainya. Pengekalan orang Melayu untuk bekerja dalam jabatan pentadbiran kerajaan ini dilihat sebagai British menjaga hubungan mereka dengan golongan kerabat diraja Kelantan.⁶⁴

Selanjutnya, Azmah Abd Manaf dan Azwan Ahmad dalam kajian mereka yang bertajuk “Peningkatan British melalui Perjanjian Perlis-British 1930 dan Pengukuhan Kuasa Elit Melayu”⁶⁵ membincangkan latar belakang kepada termeterainya Perjanjian Perlis-British pada tahun 1930 yang menyebabkan Perlis secara rasminya telah menjadi negeri Melayu yang terakhir bernaung di bawah kerajaan British. Perjanjian ini secara tidak langsung telah membenarkan pihak British campur tangan dalam hal ehwal pentadbiran negeri Perlis. Walau bagaimanapun, tidak seperti di negeri-negeri Melayu yang lain, British tidak menjadikan kedudukan raja Perlis semakin lemah sebaliknya bertambah teguh biarpun hadirnya penasihat British dalam pentadbiran negeri.

Hal ini dapat dilihat apabila suara dan cadangan golongan elit Melayu Perlis boleh mempengaruhi sama ada raja Perlis ataupun Penasihat British melalui keahlian mereka sebagai ahli Majlis Mesyuarat Negeri. Dalam pentadbiran baharu, raja tidak lagi bebas membuat keputusan tetapi perlu mendapat sokongan ahli Majlis Mesyuarat Negeri yang anggotanya terdiri dari golongan elit Melayu.⁶⁶ Semasa pemerintahan British, golongan bangsawan dan elit Melayu Perlis diberi “penghormatan” menjawat

⁶⁴ *Ibid.*

⁶⁵ Azmah Abd Manaf & Azwan Ahmad. *SEJARAH: Journal of the Department of History. Vol 23 No. 1* (2014). Peningkatan British melalui Perjanjian Perlis-British 1930 dan Pengukuhan Kuasa Elit Melayu. Universiti Malaya.

⁶⁶ *Ibid.* Hlm 110-111.



jawatan tinggi dalam pentadbiran negeri sama ada sebagai ahli Majlis Mesyuarat Negeri ataupun mengetuai sesuatu jabatan. Berlandaskan latar belakang berpendidikan Inggeris, golongan elit Melayu ini dilihat telah serasi dengan nilai-nilai dan kehendak Inggeris serta berperanan sebagai orang tengah yang boleh membantu melicinkan pemerintahan “penjajahan” British ke atas negeri Perlis. Melalui penganugerahan jawatan dan kedudukan, raja dan elit Melayu Perlis sebenar telah disemai dengan perasaan ketaatan kepada British.⁶⁷

Walaupun Perjanjian British-Perlis 1930 menandakan berakhirnya kedaulatan Perlis sebagai sebuah negeri yang merdeka sebaliknya berada di bawah naungan kerajaan British, namun daripada satu segi perjanjian itu telah mengukuhkan lagi kedudukan Syed Alwi sebagai raja Perlis. Walau bagaimanapun, Hubungan dan kerjasama yang baik antara elit Melayu dengan pegawai British menyebabkan mereka berada dalam posisi yang selesa sehingga mereka tidak menyedari bahawa mereka telah menjadi alat untuk membendung kesedaran politik dalam kalangan rakyat.⁶⁸

Pengkaji juga turut membuat buku berkaitan kakitangan awam di Tanah Melayu. Antara kajian yang menjadi rujukan penulis ialah penulisan bertajuk “Kelas Menengah Pentadbir Melayu” oleh Nordin Selat.⁶⁹ Penulisan ini membincangkan tentang kemunculan korektor golongan kakitangan awam Melayu kelas pertengahan di tanah Melayu. Di mana-mana negara, kelas menengah dianggap sebagai satu kumpulan yang memainkan peranan penting dalam pentadbiran. Mereka ini dianggap sebagai ahli fikir, alat penghubung antara kelas atasan, pemimpin kelas bawahan,

⁶⁷ *Ibid.* hlm 112.

⁶⁸ *Ibid.* hlm 114.

⁶⁹ Nordin Selat. (1976). *Kelas Menengah Pentadbir Melayu*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Utusan Melayu.





kumpulan yang ambil tahu dan melibatkan diri dalam masalah-masalah negara. Kelahiran mereka ini dianggap unik kerana walaupun bilangan mereka kecil namun memainkan peranan penting dalam masyarakat dan pentadbiran.

Menurut Nordin Selat, istilah *civil service* bermula di India iaitu pada awal kurun ke-17 hingga 1858, kuasa British di India disalurkan melalui suatu kompeni yang dikenali sebagai *East India Company (EIC)*. Pada mulanya, matlamat syarikat ini adalah untuk melakukan urusan niaga tetapi kemudiannya mula menguasai beberapa kawasan. Matlamat mereka mulai bertukar daripada syarikat kepada kerajaan. Kakitangan mereka tidak lagi dikenali sebagai peniaga tetapi *civil service* untuk menjadi penanda aras kerja mereka dengan kakitangan lain seperti askar dan ahli agama. Nordin Selat membincangkan isu kakitangan awam ini secara meluas di tanah Melayu tanpa memfokuskan mana-mana negeri. Fokus kajian lebih menjurus kelahiran kakitangan awam Melayu di Tanah Melayu. Rujukan terhadap kajian ini dibuat bagi memberi gambaran awal kepada pengkaji tentang latar belakang kakitangan awam Melayu di Tanah Melayu. Kajian pengkaji lebih memfokuskan kakitangan awam Melayu di Johor ketika zaman pemerintahan kolonial British.

Selain itu, buku yang ditulis oleh Nik Haslinda Nik Hussain⁷⁰ membincangkan peraturan dan undang-undang baharu yang diperkenalkan kolonial British di Kelantan. Setelah kolonial British mengambil alih pentadbiran Kelantan pada 1910, pelbagai peraturan baharu diperkenalkan seperti Peraturan Tanah Baru 4/1914 (*Kelantan Land Rules 4/1914*). Peraturan ini mengenakan hasil tanah bagi menggantikan cukai kepada tanah-tanah pertanian yang diusahakan oleh petani. Cukai tanah dipungut untuk

⁷⁰Nik Haslinda Nik Hussain. (2011). *Pentadbiran Kolonial dan Isu Pemilikan Tanah di Kelantan: 1881-1941*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.



menggantikan hasil buah kelapa dan padi mengikut undang-undang hasil nyior *iaitu Regulation 1905* dan *Hasil Padi Regulation 1905*.

Selain itu, kolonial British juga mengadakan reformasi atas hak pemilikan tanah. Perubahan ini dilaksanakan selepas melihat pengurusan pemberian hak milik dan urus niaga tanah melalui Tok Kweng dan imam kebanyakannya diselenggara secara lisan. Akibatnya, daftar atau geran tanah tidak dapat dikemaskini. Perubahan yang dibawa oleh kolonial British ini menimbulkan tindak balas kurang senang rakyat. Bantahan disuarakan melalui suara-suara bantahan, kiriman surat layang dan mengemukakan petisyen kepada pentadbiran tanah kolonial British. Rujukan terhadap kajian ini dibuat bagi membandingkan corak pentadbiran kolonial British di Kelantan dengan pentadbiran kolonial British di negeri Johor.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selanjutnya, buku penulisan Mohd Shariff Abu Samah⁷¹ turut menyentuh berkaitan tentang penglibatan kakitangan awan Melayu dalam pentadbiran di Kedah. Penglibatan kakitangan awam Melayu dalam pentadbiran Kedah dilihat telah bermula sejak tahun 1895 lagi. Sebelum terbentuknya Perkhidmatan Tadbir Negeri Kedah pada tahun 1905, pusat pentadbiran terletak di tangan sultan dengan disokong oleh para pembesar yang terdiri daripada kerabat diraja dan golongan bangsawan. Bagi memudahkan urusan pentadbiran, sultan membahagikan negerinya kepada beberapa daerah dan setiap daerah ini mempunyai struktur politiknya. Sultan juga menyediakan

⁷¹ Mohd Shariff Abu Samah. (2012). *Modenisasi Pentadbiran Negeri Kedah 1895-1957*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.



surat kuasa sebagai satu simbolik penurunan kuasa daripada raja kepada pegawai-pegawai daerah.⁷²

Pentadbiran Kedah kemudiannya berkembang dan membentuk Majlis Mesyuarat Negeri dan Perkhidmatan Tadbir Negeri Kedah atau *Kedah Civil Service* (KCS). Di bawah Sistem Perkhidmatan Tadbir Negeri Kedah, pusat kuasa mereka terletak pada Majlis Mesyuarat Negeri yang terbentuk pada 23 Julai 1905. Penubuhan Sistem Perkhidmatan Tadbir Negeri Kedah ini juga menjadi titik tolak perubahan pentadbiran tradisional kepada pentadbiran yang lebih moden. Hal ini kerana kuasa tradisional sultan beransur-ansur diambil alih oleh satu badan lain iaitu Majlis Mesyuarat Negeri yang mengatur susun pentadbiran negeri tidak mengikut kehendak dan keputusan mutlak sultan. Keadaan ini menyebabkan pihak Inggeris mengamalkan dasar tidak campur tangan dalam pentadbiran negeri Kedah dan masih berpegang dengan Perjanjian Inggeris-Siam pada tahun 1826.⁷³ Rujukan terhadap buku ini dibuat bagi membandingkan corak Perkhidmatan Tadbir Negeri Kedah dengan Perkhidmatan Tadbir negeri Johor atau *Johor Civil Service* (JCS).

Penulisan Khasnor Johan⁷⁴ dalam bukunya yang bertajuk “*The Emergence of the Modern Malay Administrative Elite*” pula membincangkan perkembangan kakitangan awam Melayu di Tanah Melayu. Pada tahun 1910, Negeri-Negeri Melayu Bersekutu telah memperkenalkan satu skim bagi membolehkan anak-anak golongan bangsawan bekerja dalam pentadbiran sebagai kakitangan kelas bawah. Keadaan ini menandakan perancangan pihak kolonial British untuk membentuk kelas baharu

⁷² *Ibid.* hlm 8.

⁷³ *Ibid.* hlm 32.

⁷⁴ Khasnor Johan (1984). *The Emergence of the Modern Malay Administrative Elite*. Singapore: Oxford University Press.



moden yang terdiri daripada golongan berpendidikan sekolah Inggeris. Rentetan itu, tercetuslah satu golongan yang dikenali sebagai *Malay Administrative Service* (MAS) yang berbeza dan lebih rendah daripada *Malayan Civil Service* (MCS).⁷⁵

Permulaan skim baharu ini juga jelas mencerminkan dasar yang digunapakai oleh pihak kolonial British untuk memilih calon-calon dalam kalangan orang Melayu yang berkelayakan untuk bekerja bersama mereka. Walaupun perkhidmatan MAS ini berbeza dan berasingan daripada MCS yang telah bertapak lama di Tanah Melayu, namun penubuhan skim ini dilihat mempunyai identitinya yang tersendiri. MAS juga dilihat sebagai satu elemen baharu mengetengahkan orang Melayu dalam pengurusan pentadbiran negara mereka sendiri.⁷⁶

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini bertujuan untuk:

- i.) Membincangkan latar belakang sejarah pentadbiran awam Melayu di Johor.
- ii.) Mengkaji penglibatan kakitangan awam Melayu dalam sistem pentadbiran di Johor.
- iii.) Menilai perkembangan kakitangan awam Melayu dalam pentadbiran kolonial British di Johor.
- iv.) Menganalisis isu-isu yang dihadapi oleh kakitangan awam Melayu dalam pentadbiran kolonial British di Johor.

⁷⁵ *Ibid.* hlm 1-2.

⁷⁶ *Ibid.* hlm 44-45.



1.5 Persoalan Kajian

- i.) Bagaimanakah latar belakang sejarah pentadbiran awam Melayu di Johor.
- ii.) Sejauhmanakah penglibatan kakitangan awam Melayu dalam sistem pentadbiran di Johor.
- iii.) Bagaimanakah perkembangan kakitangan awam Melayu dalam pentadbiran kolonial British di Johor.
- iv.) Apakah isu-isu yang dihadapi oleh kakitangan awam Melayu dalam pentadbiran kolonial British di Johor.

1.6 Definisi Istilah



1.6.1 kakitangan⁷⁷ awam

Istilah perkhidmatan awam telah digunakan semasa pentadbiran Kolonial British di Tanah Melayu untuk menggambarkan orang yang bekerja dalam perkhidmatan pentadbiran tidak termasuk pegawai yang bekerja di bahagian teknikal dan perkeranian.⁷⁸ Kakitangan awam atau perkhidmatan awam boleh dirumuskan sebagai suatu khidmat yang dicurahkan bagi melancarkan pentadbiran untuk kemaslahatan umum dan rakyat. Kakitangan awam berkait rapat dengan kelayakan, bidang tugas,

⁷⁷ Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat “kakitangan” membawa maksud pekerja yang bekerja di pejabat atau syarikat dalam membantu dan melaksanakan pengurusan kerja. Dewan Bahasa dan Pustaka. (2013). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. hlm. 660.

⁷⁸ Khasnor Johan (1984). *The Emergence of the Modern Malay Administrative Elite*. Singapore: Oxford University Press. hlm 5



bayaran gaji dan kenaikan pangkat. Kepentingan kewujudan kakitangan awam ini boleh dilihat berdasarkan fungsinya yang menjadi tulang belakang pentadbiran.

Dalam sesebuah pentadbiran, pemerintah akan mengemukakan dasar yang ingin dilaksanakan dan pihak yang melaksanakan dasar tersebut adalah orang yang pekerja dalam pentadbiran iaitu kakitangan awam. Kejayaan dasar kerajaan ini kemudiannya dilihat bergantung pada kemampuan kakitangan awam itu melaksanakan tugas yang diberi. Tanpa kakitangan awam, dasar kerajaan akan tinggal menjadi dasar semata-mata. Khidmat kakitangan awam ini diperlukan oleh sesebuah negara bagi menjamin kewujudan sesebuah pentadbiran secara berterusan.⁷⁹

Dari semasa ke semasa profesion kakitangan awam ini semakin ditambah baik di Tanah Melayu. Institusi kakitangan awam juga merupakan kumpulan yang melaksanakan sistem pentadbiran kerajaan khususnya dalam hal-hal yang melibatkan kepentingan awam. Kewujudannya yang merentasi zaman dan penglibatannya dalam berbagai-bagai isu dan peristiwa yang memberi impak kepada kelangsungan kewujudan negara dan peradaban bangsa menjadikannya diiktiraf sebagai sebuah legasi.⁸⁰

Bangsa Melayu merupakan kelompok yang mendasari perjalanan birokrasi pentadbiran di Johor. Kajian berkenaan bangsa Melayu banyak dinukilkan dan

⁷⁹Mohd Shariff Abu Samah. (2012). *Modenisasi Pentadbiran Negeri Kedah 1895-1957*. Sintok: Universiti Utara Malaysia. hlm. 31.

⁸⁰Ahmad Jaffari Ahmad Zaini & Mohd Samsuddin. *Asal Usul Perkhidmatan Awam dan Sistem Pentadbiran di Tanah Melayu: Kajian Terhadap Perkembangan Awal di Pulau Pinang*. 9th International Conference on Malaysia-Indonesia Relations (PAHMI 9). Faculty of Social Sciences Yogyakarta State University, 15-16 September 2015. hlm. 2.

dibincangan dalam banyak penulisan.⁸¹ Johor merupakan sebahagian wilayah yang menjadi tempat berkembangnya orang Melayu sebagai peribumi sebelum kemasukan imigran dari luar Alam Melayu. Keupayaan bangsa Melayu sebagai pendiri kerajaan dan pentadbir banyak dibukukan oleh penulis tempatan dan antarabangsa. Hal ini merupakan keistimewaan bangsa Melayu yang mempunyai banyak kumpulan etnik seperti Jawa, Bugis, Boyan, Banjar, Aceh, Jambi dan sebagainya.⁸²

1.6.2 Perkhidmatan awam

Perkhidmatan awam (*civil service*) bermula di India pada abad ke-17 hingga tahun 1858 melalui sebuah syarikat British yang terkenal dalam lipatan sejarah iaitu *East India Company* (EIC) atau Syarikat Hindia Timur. Pada asalnya matlamat syarikat ini ditubuhkan adalah untuk melaksanakan urusan perdagangan. Namun, apabila mereka berjaya menguasai beberapa kawasan, matlamat mereka berubah daripada sebuah syarikat kepada sebuah kerajaan yang mendapat piagam penubuhannya pada tahun 1873. Lantaran itulah, kakitangannya kemudiannya tidak lagi dikenali sebagai peniaga tetapi kakitangan awam.⁸³

Dalam konteks negeri Johor, kesemua pegawai kerajaan termasuk polis dan tentera merupakan perkhidmatan awam atau kakitangan awam yang digelar Jawatan

⁸¹Zaharah Sulaiman, Wan Hashim Wan The & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. (2016). *Sejarah Tamadun Alam Melayu Jilid 1: Asal Usul Melayu, Induknya di Benua Sunda*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI); Ahmad Jelani Halimi. (2008). *Sejarah dan Tamadun Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.; Ismail Hamid. (1988). *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka; R.O. Winstedt. 1981. *The Malays: A Cultural History*. Singapura: Graham Brash; A.C. Milner. (1982). *Kerajaan: Malay Political Culture on The Eve of Colonial Rule*. Tucson: The University of Arizona Press.

⁸²Mohamed Anwar Omar Din. (2011). Asal-Usul Orang Melayu: Menulis Semula Sejarahanya. *Jurnal Melayu*. Bil. 7. hlm. 54-55.

⁸³*Ibid*. hlm. 30.



Tadbir Johor (*Johor Civil Service*) atau *Sultan's Civil Service*.⁸⁴ Di Johor kakitangan awam Melayu boleh dibahagikan kepada dua iaitu elit tradisional dan rakyat biasa. Beza kedua-duanya ialah kebanyakan elit tradisional yang menyandang gelaran Ungku, Tengku dan Wan mendapat pendidikan Inggeris di Sekolah Rev. B.P. Keasberry⁸⁵ di Singapura mulai tahun 1856. Manakala rakyat Johor biasanya mendapat pendidikan Sekolah Melayu atau Sekolah Agama. Walau bagaimanapun, golongan elit tradisional ini bukanlah golongan yang memonopoli jawatan dalam birokrasi negeri Johor.⁸⁶ Dua orang tokoh Johor boleh dijadikan bukti iaitu Dato' Jaafar Haji Muhammad dan Dato' Bentara Luar, Muhd Salleh Perang dilantik berdasarkan kelayakan, pengalaman dan kecekapan kerja mereka berkhidmat dalam pentadbiran negeri Johor.⁸⁷

Kakitangan awam Melayu di Johor dapat dikesan semasa zaman pemerintahan Temenggung Ibrahim lagi melalui pelantikan ketua-ketua bagi kawasan tertentu yang kemudiannya jawatan tersebut dinamakan sebagai "Naib" atau "Residen. Kesemua mereka adalah pegawai kerajaan yang dibayar gaji oleh kerajaan Johor selain dibenarkan menerima komisyen daripada hasil import dan eksport dalam kawasan yang diamanahkannya.⁸⁸ Hakikatnya, kakitangan awam Melayu berperanan membantu kelancaran dalam pentadbiran birokrasi negeri Johor sejak zaman berzaman termasuklah semasa kolonial British menguasai Johor pada tahun 1914.

⁸⁴Rahimah Abdul Aziz. (2000). *Pembaratan Pemerintahan Johor (1800-1945): Suatu Analisis Sosiologi Sejarah*. hlm 72.

⁸⁵Sekolah ini diasaskan oleh Benjamin Keasberry pada tahun 1840 di Bukit Zion Singapura. Temenggung Ibrahim telah menghantar dua orang anaknya belajar di sini. Lihat Anthony Milner. (2002). *The Invention of Politics in Colonial Malaya*. Cambridge: Cambridge University Press. hlm. 73.

⁸⁶Fawzi Basri & Hasrom Haron. (1978). *Sejarah Johor Moden 1855-1940: Satu Perbincangan Dari Pelbagai Aspek*. hlm. 161-163.

⁸⁷*Ibid*. hlm. 166-167.

⁸⁸Fawzi Basri. (1983). Dari Sistem Residen ke Sistem Pesuruhjaya Kerajaan 1855-1917. *Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia*. Bil. 12. hlm.86- 90.





1.6.3 Pentadbiran Kolonial British

Kolonialisme merupakan satu konsep berkenaan penguasaan politik secara keseluruhan oleh kaum penjajah terhadap tanah jajahannya. Jika dikaitkan dengan konsep imperialisme, kolonialisme menekankan kecenderungan sesuatu masyarakat atau negara untuk menguasai pihak lain melalui pelbagai cara dan matlamatnya.⁸⁹ Selepas tamat Perang Dunia Pertama, telah berlaku perkembangan imperialisme disebabkan kebangkitan kuasa kolonial British bagi menghadapi persaingan perdagangan antarabangsa dalam pasaran dunia. Pembentukan dasar imperial kolonial British berlaku menerusi kawalan aktiviti perdagangan antara empayar (*inter-empire trade*) dan penglibatan kerajaan imperial secara terus dalam aktiviti ekonomi. Pengaruh ini juga telah membolehkan kolonial British mengawal keseluruhan empayar termasuk tanah jajahan di bawah kawalan kuasanya.⁹⁰

Secara umumnya, dominasi kuasa kolonial British di Tanah Melayu telah terbentuk sejak pertengahan abad ke 18 lagi. Pada mulanya, pihak kolonial British dilihat tidak memainkan peranan yang besar dalam hal ehwal negeri-negeri Melayu sehingga tahun 1874 kerana mengamalkan dasar tidak campur tangan dalam hal ehwal penatdbiran kerana pada masa itu kepentingan mereka lebih kepada perdagangan dan penerokaan. Peningkatan kuasa kolonial British ini bermula selepas

⁸⁹ Che Su Mustaffa. et. Al.(2005). *Isu-isu Budaya dalam Pembangunan Sosial*. Kedah: Universiti Utara Malaysia. hlm 24.

⁹⁰ Mohd Shadzwan Mokhtar. Agenda Imprealis dalam Krisis Pentadbiran Kolonial di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, 1921-1925. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 46 (2) (December 2019): 28-55 @ Centre For Policy and Global Governance (GAP), UKM; ISSN 2180-0251. hlm 29.



tahun 1874 disebabkan penaklukannya di India dan kawalannya ke atas perdagangan China.⁹¹

Campur tangan kolonial British di Johor bermula pada tahun 1902 apabila NNMB mencadangkan dan menyokong supaya landasan kereta api dibina di negeri Johor. Sehubungan itu, Sultan Ibrahim dan pihak kolonial British mewujudkan sistem Konsesi Tanah 1905.⁹² Namun, penglibatan lebih banyak pihak kolonial British dalam pentadbiran negeri Johor hanya berkembang menjelang tahun 1914 iaitu ketika pemerintahan Sultan Ibrahim. Pada 11 Mei 1914 satu perjanjian telah dipersetujui antara Sultan Ibrahim dan Gabenor Sir Arthur Henderson Young, wakil kerajaan kolonial British. Hasil perjanjian tersebut memperlihatkan pelantikan Penasihat Am British.⁹³ Penguasaan kolonial British terhadap negeri Johor memperlihatkan berlaku perubahan dalam pentadbiran. Walaupun sistem pentadbiran negeri Johor dilihat telah kemas dan tersusun berlandaskan pentadbiran pemodenan dan barat, namun pihak kolonial British masih berusaha melaksanakan pembaharuan mengikut corak pentadbiran mereka sendiri.⁹⁴

1.7 Skop kajian

Penyelidik mengkaji kakitangan awam Melayu di Johor bermula tahun 1914 sehingga tahun 1941. Hal ini kerana, kuasa penuh Penasihat Am hanya diiktiraf mulai 11 Mei

⁹¹ Rahimah Abdul Aziz. (2000). *Pembaratan Pemerintahan Johor (1800-1945): Suatu Analisis Sosiologi Sejarah*. hlm 40-41.

⁹² Ichiro Sugimoto. (2011). *Pentadbiran Kewangan Kolonial Johor*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. hlm 2.

⁹³ *Ibid*. hlm. 15.

⁹⁴ Rahimah Abdul Aziz. (2000). *Pembaratan Pemerintahan Johor (1800-1945): Suatu Analisis Sosiologi Sejarah*. hlm. 72-74.

1914 setelah perjanjian baharu dibuat antara Sultan Ibrahim dengan British yang menekankan bahawa segala nasihat Penasihat Am mestilah diminta dan diikuti oleh sultan.⁹⁵ Tambahan pula, tahun 1914 memperlihatkan peningkatan kemasukan pegawai kolonial British dalam pentadbiran Johor yang menjadi titik tolak penguasaan kolonial British di Johor.⁹⁶ Hal ini kerana, sehingga tahun 1914 sahaja sultan dan Jemaah Menteri menentukan dasar dan pemilihan pegawai kerajaan sebelum British campur tangan kemudiannya.⁹⁷ Walaupun Johor dikuasai oleh pihak kolonial British, kakitangan awam Melayu yang pernah berkhidmat semasa pemerintahan Sultan Abu Bakar terus dikekalkan berkhidmat dalam pentadbiran kolonial British di Johor.

Pengkajian ini hanya memfokuskan kakitangan awam berbangsa Melayu yang berkhidmat di jabatan bawah kelolaan kuasa kolonial British dan tidak melibatkan jabatan bawah kuasa sultan seperti Majlis Agama Islam⁹⁸ dan *Johore Military Force* (JMF).⁹⁹ Bangsa Melayu memainkan peranan penting dalam penatdbiran negeri Johor sejak zaman pemerintahan Temenggung Daeng Ibrahim lagi. Lantaran itulah peranan kakitangan awam berbangsa Melayu wajar diangkat dan diamati kelangsungannya dalam menempuh perubahan-perubahan politik di Johor.

⁹⁵Shahrom Husain. (1995). *Sejarah Johor: Kaitannya dengan Negeri Melayu*. hlm. 124.

⁹⁶*Annual Report Johor 1911*. hlm. 17.

⁹⁷Fawzi Basri & Hasrom Haron. (1978). *Sejarah Johor Moden 1855-1940: Satu Perbincangan Dari Pelbagai Aspek*. hlm. 167.

⁹⁸"Majlis Agama Islam ditubuhkan pada tahun 1925 di bawah kuatkuasa Bahagian IV Bab XV iaitu satu peraturan khusus untuk istana dan adat istiadat raja dan bukanlah seperti biasa disebut Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu. Oleh kerana matlamat Majlis Agama pad asalnya untuk kepentingan istana, tugas Mufti dan Kadi Besar juga banyak ditentukan oleh maksud tersebut dan ia termasuk dalam susunan jabatan yang penting dalam Majlis Raja dan Istana." Farizah Alias. 1994. *Jabatan Agama Johor: Organisasi dan Peranannya*. Dalam Abdullah Zakaria Ghazali & Zainal Abidin Borhan. *Johor: Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia. hlm. 207-208.

⁹⁹Bagi mengukuhkan lagi pentadbiran Johor, Sultan Abu Bakar menubuhkan satu badan ketenteraan dibawah kekuasaannya. Askar Timbalan Setia Negeri menjadi pelopor kepada penubuhan *Johore Military Force* pada tahun 1885 dibawah kawalan Dato Seri' Raja Setia Negeri. LihatTunku Shahrman Tunku Sulaiman. (2004). *The Johore Forces: The Oldest Army of Malays Regulars in The Peninsula*. *JMBRAS*. Vol.77. No 2 (287). hlm. 95

Seterusnya, fokus kawasan kajian adalah di negeri Johor bermula tahun 1914 iaitu sewaktu bermulanya kemasukan kolonial British di Johor dengan pengenalan sistem Penasihat Am.¹⁰⁰ Tahun 1941 dipilih sebagai tahun pengakhir kajian kerana berlakunya konflik Perang Pasifik yang menjadi salah satu perang dalam Perang Dunia Kedua yang menyaksikan pertukaran kuasa penjajah di Johor daripada British kepada Jepun.¹⁰¹

1.8 Kepentingan Kajian

Penyelidikan mengenai penglibatan kakitangan dalam pentadbiran Johor kurang dilaksanakan. Kajian yang dilaksanakan oleh M.A. Fawzi Mohd. Basri tidak melihat secara keseluruhan kakitangan awam Melayu Johor. Kajian ini dilakukan bagi mengkaji kakitangan awam Melayu ketika pentadbiran kolonial British di Johor. Kajian ini bermula pada tahun 1914 kerana pertapakan kolonial British dengan pengukuhan sistem Penasihat Am dalam pentadbiran Johor yang kemudiannya menjadi titik tolak penguasaan kolonial British di Johor. Walau bagaimanapun, pihak kolonial British semasa penguasaannya, terus mengekalkan kakitangan awam Melayu Johor yang pernah berkhidmat semasa pemerintahan Sultan Abu Bakar. Lantaran itu, kajian ini ditulis untuk mengkaji latar belakang dan penglibatan kakitangan awam Melayu di Johor semasa pentadbiran kolonial British.

¹⁰⁰R.O. Wistedt. (1992). A History of Johore. MBRAS Reprint No. 6. hlm. 142.

¹⁰¹Edwin O. Reischauer. (2006). *Jepun: Sejarah Sebuah Negara*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. hlm. 141-143; Mark Stille. (2016). *Malaya and Singapore 1941-42: The Fall of Britain's Empire in The East*. New York: Osprey Publishing. hlm. 7-8; Bagi melihat usaha Jepun menawan Johor daripada British, lihat Mohd Radzi Abd Hamid. (2009). *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu dan Borneo*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 119-137.

Selain itu, kajian ini juga mengkaji isu-isu yang dihadapi oleh kakitangan awam Melayu dan kepentingan mereka dalam pentadbiran kolonial British di Johor. Kajian ini merupakan kesinambungan kajian-kajian terdahulu berkaitan pentadbiran Johor selain memperkukuh penulisan berkaitan sejarah politik negeri Johor semasa zaman kolonial British. Kajian ini diharap dapat menjadi asas pengkajian seterusnya yang berminat untuk membuat kajian selanjutnya berkaitan sistem pentadbiran dan kakitangan awam Melayu di Johor.

1.9 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif¹⁰² sebagai kaedah utama pengkajian.

Kaedah ini digunakan bagi melihat perkembangan kakitangan awam Melayu dari tahun 1914 sehingga sebelum kemasukan Jepun di Tanah Melayu pada tahun 1941.

Pengkaji menganalisis sumber primer seperti *Annual Report Johore*, *List of Establishment*, *General Order*, *General Adviser Johor*, *Records of Service and Leave of Malays Officers*, Undang-undang Pencen dan Skim Gaji kakitangan amat ditekankan dalam kajian ini bagi memperkukuh kajian yang dilakukan. Hal ini bagi memastikan bahan bukti yang digunakan untuk menguatkan hujah pengkajian boleh dipertanggungjawabkan dan menjawab persoalan kajian. Kebanyakan sumber primer

¹⁰² Kaedah kualitatif merupakan kaedah yang usaha untuk mencari dan memberikan keterangan serta pemerhatian bukan numerikal walaupun terdapat keterangan yang merujuk kepada statistik. Kebanyakan kajian dalam bidang ini memberikan keterangan, interpretasi, atau makna dalam sesuatu proses komunikasi. Kaedah ini juga lebih merupakan usaha untuk memberikan keterangan tentang sifat dan keadaan manusia dengan menggunakan pandangan umum tentang apa-apa saja tindakan sosial. Justeru, penyelidikan kualitatif tidak tertumpu ke arah pengutipan maklumat yang banyak. Sebaliknya, kaedah ini berusaha untuk memperoleh maklumat berkualiti dengan memberikan tumpuan terhadap sampel yang kecil. Rujuk Kamarul Azmi Jasmi.(2012). *Penyelidikan Kualitatif dalam Sains Sosial in Kursus Penyelidikan Kualitatif siri 1* 2012 at Puteri Resort Melaka on 28-29 Mac 2012. Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.

ini diperoleh di Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur dan Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor.

Di samping itu, pengkajian pada tahap kedua dilakukan untuk mendapatkan sumber sekunder bagi menyokong sumber primer yang digunakan dalam penyelidikan. Rujukan telah dilakukan di perpustakaan universiti-univeriti awam seperti Perpustakaan Tuanku Bainun Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan Universiti Malaya dan Perpustakaan Peringatan Za'ba Universiti Malaya. Maklumat daripada buku, jurnal, tesis dan sebagainya diperolehi daripada institusi tersebut dapat melengkapkan kajian yang dilakukan oleh pengkaji.

Kaedah penulisan laporan kajian yang diguna ialah pendekatan penulisan naratif¹⁰³ untuk menjelaskan tentang latar belakang kawasan kajian dengan perkembangan kakitangan awam Melayu di Johor hingga kemasukan kolonial British dan kemudiannya melihat usaha yang dilakukan oleh pihak kolonial British dalam mengurangkan penglihatan orang Melayu dalam pentadbiran Johor. Selain itu, pendekatan kronologi¹⁰⁴ digunakan untuk menjelaskan perkembangan sistem kakitangan awam Melayu di Johor dan kelangsungannya semasa Johor berada di bawah kuasa kolonial British. Selain itu, pendekatan penulisan analisis¹⁰⁵ juga digunakan untuk memberi gambaran dengan lebih jelas terhadap implikasi dasar

¹⁰³ Kaedah penulisan naratif ialah sejenis gaya penulisan penceritaan. Bentuk penulisan ini memerlukan penulis untuk menceritakan semula kejadian secara logis iaitu teratur atau tersusun. Nabir Hj Abdullah *et.al* (ed.) 2013. *Kaedah Penyelidikan dan Penulisan Sejarah*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris. hlm 140.

¹⁰⁴ Kaedah kronologi menekankan peristiwa sejarah mengikut urutan masa sesuatu kejadian agar dapat menggambarkan apa yang terjadi pada satu waktu ke satu waktu berikutnya. Hal ini bertujuan untuk mewujudkan satu kesinambungan antara fakta-fakta atau bukti yang diperolehi. Nabir Hj Abdullah *et.al* (ed.) 2013. *Kaedah Penyelidikan dan Penulisan Sejarah*. hlm 136.

¹⁰⁵ Kaedah analisis bermaksud mengkaji atau menyelidik. Kaedah ini dilaksanakan bertujuan untuk memberi gambaran yang lebih kritis, detail dan jelas mengenai sesuatu peristiwa sejarah daripada sumber yang diperolehi. Kaedah ini bukan sahaja menyingkap persoalan kajian, tetapi dapat menganalisa sebab musabab dan kaitannya dengan peristiwa sejarah. Nabir Hj Abdullah *et.al* (ed.) 2013. *Kaedah Penyelidikan dan Penulisan Sejarah*. hlm 140.



pentadbiran yang diperkenalkan kolonial British terhadap kakitangan awam Melayu. Pendekatan tematik juga pengkaji gunakan supaya kajian ini mudah difahami dengan membuat pembahagian kepada tema tajuk dan subtajuk yang sesuai seperti yang terdapat dalam pernyataan masalah kajian. Seterusnya, kaedah penjelasan turut digunakan dalam kajian ini iaitu dengan penjelasan nota kaki (*footnote*) dibawah helaian muka surat.

1.10 Pembahagian Bab

Penulisan kajian ini dibahagikan kepada enam bab. Bab pertama merungkai berkenaan dengan keseluruhan kajian yang dibuat. Secara umumnya, bab ini merupakan latar belakang kepada kajian ini yang merangkumi pengenalan, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, sorotan literatur, kepentingan kajian, kaedah kajian, definisi istilah dan pembahagian bab. Lantaran itu, bab ini memberi gambaran keseluruhan kajian yang dilakukan oleh pengkaji yang memfokuskan kakitangan awam Melayu semasa zaman kolonial British.

Dalam bab dua pula, menjelaskan latar belakang kawasan kajian iaitu negeri Johor dengan melihat corak pentadbiran Sultan Abu Bakar dan Sultan Ibrahim di Johor. Pengkaji melihat latar belakang kakitangan awam Melayu secara keseluruhan dan kemudiannya terus fokus kepada kakitangan awam Melayu di Johor zaman pentadbiran Sultan Abu Bakar, Sultan Ibrahim dan kemudiannya pemerintahan kolonial British di Johor. Turut dibincangkan berkenaan penglibatan golongan elit Melayu dalam sistem pentadbiran Johor.





Bab tiga pula membincangkan penglibatan kakitangan awam Melayu dalam sistem pentadbiran di Johor. Perkembangan bab ini membincangkan secara mendalam etika dan peraturan Perkhidmatan Awam dalam kerajaan yang perlu dipatuhi oleh semua kakitangan awam yang berkhidmat dalam pentadbiran Johor. Turut dilihat penilaian lantikan kakitangan awam Melayu yang menjawat jawatan dalam jabatan kerajaan. Kakitangan awam yang dilantik perlu melepasi syarat ketat yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Ini dibuat bertujuan untuk memastikan setiap kakitangan awam yang bekerja dalam jabatan merupakan kakitangan yang berkredibiliti.

Bab empat membincangkan perkembangan kakitangan awam Melayu dalam pentadbiran kolonial British di Johor. Penglibatan dan pengekalan kakitangan awam Melayu dalam pentadbiran kolonial ini dipengaruhi oleh pengalaman dan pengetahuan asas yang telah mereka peroleh sewaktu bekerja dalam pentadbiran dibawah pentadbiran Sultan Abu Bakar dan Sultan Ibrahim. Turut dilihat berkembang penglibatan kakitangan awam Melayu yang bekerja dalam jabatan.

Bab lima pula membincangkan isu-isu yang dihadapi oleh kakitangan awam Melayu dalam pentadbiran kolonial British di Johor. Kakitangan awam Melayu sewaktu perkhidmatan mereka semasa pentadbiran kolonial dilihat mengalami pelbagai isu seperti isu skim gaji, skim pencen, isu pemberhentian kakitangan yang bermasalah, pembahagian tugas bersama kakitangan Inggeris dan sebagainya.

Bab enam merupakan penutup kepada kajian ini. Pengkaji akan menyimpulkan secara keseluruhan perbincangan yang telah diutarakan daripada bab-bab sebelum ini. Selain itu, dalam bab ini juga pengkaji akan menyatakan sama ada



objektif dan tujuan pengkajian dicapai mahupun tidak. Bab ini akan menjelaskan juga sama ada hipotesis yang dibuat adalah tepat ataupun tidak.

1.11 Kesimpulan

Bagi menggerakkan sesebuah organisasi, peranan kakitangan awam Melayu dilihat penting agar pelaksanaan urusan pentadbiran dapat dilaksanakan dengan lancar. Pemodenan Johor yang dilaksanakan Temenggung Ibrahim menjadi titik tolak penglibatan kakitangan awam Melayu dalam sistem pentadbiran Johor. Pegawai-pegawai kerajaan yang berkhidmat dalam jabatan ini menggalas bertanggungjawab membantu melicinkan pentadbiran Johor. Jentera perkhidmatan awam ini kemudiannya dibentuk secara rasmi dan dikenali sebagai “Jawatan Tadbir Johor atau *“Sultan’s Civil Service”*. Organisasi pentadbiran ini kemudiannya diperkukuhkan lagi dengan menerapkan ciri-ciri birokrasi dalam organisasi mereka. Selain itu, kakitangan awam ini memperoleh gaji bulanan dan mereka turut terikat dengan etika kerja yang termaktub dalam Peraturan Perintah Am kerajaan.